05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGUASAAN, SIKAP DAN PANDANGAN PELAJAR TINGKATAN LIMA TERHADAP PERIBAHASA DI DUA BUAH SEKOLAH DAERAH RAUB, PAHANG.

ZAUYATI BT ZAINAL MOHAMED ALIAS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2006

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGUASAAN, SIKAP DAN PANDANGAN PELAJAR TINGKATAN LIMA TERHADAP PERIBAHASA DI DUA BUAH SEKOLAH DAERAH RAUB, PAHANG.

ZAUYATI BT ZAINAL MOHAMED ALIAS

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
BAHASA MELAYU

FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2006

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini merupakan hasil karya saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

7 APRIL 2006 Tandatangan;

.....
(ZAUYATI BT ZAINAL MOHAMED ALIAS)
M20041000173

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DECLARATION

I hereby declare that the writing in this project paper is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

Signature;

7 APRIL 2006

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

.....

(ZAUYATI BT ZAINAL MOHAMED ALIAS)
M20041000173

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinan-Nya dapat saya menyiapkan kajian ilmiah ini.

Rakaman setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan khusus kepada pensyarah penyelia saya, **Profesor Abdul Hamid bin Mahmood** yang tidak jemu dan tidak mengenal penat lelah dalam memberi bimbingan, dorongan, pandangan dan telah banyak memberi tunjuk ajar dalam proses menyiapkan kajian ilmiah ini. Tunjuk ajar dan bimbingan yang diberi akan kekal menjadi ingatan. Semoga Allah S.W.T akan membalas jasa yang tuan curahkan.

Penghargaan ini juga saya tujukan buat teman seperjuangan terutama Puan Hasliza binti Hassan dan Puan Zaiton binti Othman yang telah sudi berbincang, memberi pandangan, tunjuk ajar dan sokongan moral. Kalian tidak mudah berputus asa dan cekal membakar semangat untuk terus berjuang meneroka ilmu. Jasa kalian akan dikenang sehingga ke akhir hayat.

Tidak lupa kepada mereka yang teristimewa dalam hidup saya terutama bonda tersayang Puan Zabedah binti Nasir yang sabar menemani anakanda di sepanjang pengajian. Kepada adinda Zulridy, Zauyani, Zulkarnain, Siti Zaulkma dan Zakiah terima kasih kerana memahami dan mewarnai suka duka perjalanan hidup kekanda. Tiada ungkapan indah yang mampu disusun untuk menggambarkan perasaan kasih dan sayang ini.

Anak Cina main gelombang,
Nampak dari Tanjung Jati,
Kalian umpama bunga yang kembang,
Sentiasa hidup di dalam hati.

Akhir kata, saya mengharapkan kajian ilmiah ini dapat memberi sumbangan dan manfaat kepada para pendidik, pengkaji dan penyelidik yang berminat mengkaji peribahasa yang menjadi mutiara bangsa Melayu.

Sekian. Wassalam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian yang menggunakan kaedah tinjauan terhadap penguasaan, sikap dan pandangan pelajar tingkatan 5 terhadap peribahasa di dua buah sekolah di daerah Raub, Pahang. Sebanyak 60 orang pelajar digunakan sebagai sampel kajian yang berbeza dari segi jantina, bangsa dan lokasi tempat tinggal. Dua alat digunakan untuk melihat penguasaan peribahasa pelajar iaitu, borang soal selidik dan 24 soalan peribahasa berbentuk struktur yang terdiri daripada soalan simpulan bahasa, pepatah, perumpamaan dan bidalan. Data-data diproses menggunakan perisian analisis '*Statistical Packages for the Social Sciences'* version *10.0.* Berdasarkan analisis buku teks Bahasa Melayu tingkatan lima, terdapat sebanyak 39 bilangan peribahasa. Dapatan kajian juga menunjukkan ramai pelajar suka mempelajari peribahasa dan ramai pelajar pula kurang setuju untuk menggunakan peribahasa ketika berbual. Berdasarkan hubungan pembolehubah dengan penguasaan peribahasa, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan faktor jantina. Walau bagaimanapun didapati terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor kaum dan tempat tinggal. Selain itu, sebanyak 16 hipotesis nul dibina dan selepas kajian dan analisis dibuat maka sebanyak 7 hipotesis telah ditolak dan 9 diterima. Diharapkan kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pelajar, guru, ibu bapa dan penulis buku teks agar dapat memberi perhatian terhadap penggunaan peribahasa yang menjadi mutiara bangsa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRACT

This research uses the survey technique with regards to form 5 students' mastery, attitude and views on Malay idiomatic phrases in two schools in the distict of Raub, Pahang. 60 students of different gender, race and location (address) were used on research samples. Two instruments were used to measure students mastery of Malay idiomatic expression i.e questionaires and 24 questions in the form of questions from idioms, sayings, similes and proverbs. The data obtained from the study will be processed using '*Statistical Packages for the Social Sciences'* version *10.0* an analysis software. Based on the analysis of the form 5 bahasa Melayu text book, there are 39 idiomatic expressions. The results of the research too shows that, many students like learning idiomatic expressions but many do not tend to use them in conversations. According to the variant and mastery of learning expressions, it is found that there was no stark significance in terms of gender in the sample students. However there was a sharp significance based on the race and location. In addition, 16 null hypotheses were constructed and after being researched and analysed, 7 hypotheses were rejected and 9 accepted. It is hoped that this research will benefit the students, teachers, parents and textbook writers and that Malay idiomatic expressions will be given attention as it is the pearl of the Malay race.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
DECLARATION	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	
SENARAI SINGKATAN	
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Jenis-jenis Peribahasa	7
1.2.1 Bidalan	7
1.2.2 Pepatah	8
1.2.3 Perbilangan	9
1.2.4 Perumpamaan	10
1.2.5 Simpulan Bahasa	11
1.3 Permasalahan Kajian	12
1.4 Tujuan Kajian	14
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Kepentingan Kajian	16
1.6.1 Masyarakat	16
1.6.2 Sekolah	17
1.6.3 Guru	17
1.6.4 Pelajar	18
1.7 Batasan Kajian	18
1.8 Definisi Istilah	19
1.8.1 Penguasaan	19
1.8.2 Peribahasa	
BAB 2 : SOROTAN KAJIAN YANG BERKAITAN	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan 21
2.2 Literatur Kajian 22
2.2.1 Kajian oleh Pengkaji di Malaysia 23
2.2.2 Kajian oleh Pengkaji Luar Negara 31
2.3 Kesimpulan 35

BAB 3 : METODOGI KAJIAN
3.1 Pengenalan 36
3.2 Reka Bentuk Kajian 36
3.3 Populasi dan Sampel Kajian 39
3.4 Tempat Kajian 42
3.5 Instrumen Kajian 42
3.5.1 Soal Selidik Tertutup Atau Berstuktur 42
3.5.2 Soalan Ujian Peribahasa
3.6 Prosedur Pengumpulan Data 43
3.7 Kaedah Penganalisisan Data 45
3.7.1 Ujian –t 46
3.7.2 Ujian ANOVA 46
3.7.3 Ujian Korelasi 46

3.8 Kebolehpercayaan dan Kesahan Soal Selidik 47
3.9 Pengujian Hipotesis 48
3.10 Kesimpulan 50

BAB 4 : KEPUTUSAN KAJIAN
4.1 Dapatan Kajian 52

4.2 Senarai Peribahasa dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 52
4.2.1 Senarai Peribahasa 53
4.2.2 Analisis Penggunaan Peribahasa dalam Buku Teks 5

4.3 Analisis Pandangan Pelajar Terhadap Peribahasa 5
4.4 Analisis Tahap Penguasaan Peribahasa Pelajar 5
4.5 Hipotesis Nul 1
4.6 Hipotesis Nul 2
4.7 Hipotesis Nul 3
4.8 Hipotesis Nul 4
4.9 Hipotesis Nul 5
4.10 Hipotesis Nul 6
4.11 Hipotesis Nul 7 6
4.12 Hipotesis Nul 8
4.13 Hipotesis Nul 9 6
4.14 Hipotesis Nul 10 6
4.15 Hipotesis Nul 11 6

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.16 Hipotesis Nul 12 6
4.17 Hipotesis Nul 13 6
4.18 Hipotesis Nul 14 6
4.19 Hipotesis Nul 15 7
4.20 Hipotesis Nul 16 7
4.21 Kesimpulan

BAB 5 RUMUSAN PERBINCANGAN DAN CADANGAN
5.1 Pengenalan 79
5.2 Ringkasan Kajian 79

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian 80
5.3.1 Perbincangan Bilangan Peribahasa Yang Terdapat Dalam Buku Teks 8
5.3.2 Perbincangan Pandangan Pelajar Terhadap Peribahasa 8
5.3.3 Perbincangan Tahap Penguasaan Peribahasa Pelajar 8
5.3.4 Perbincangan Hipotesis Nul 8
5.4 Cadangan 8
5.5 Kesimpulan

BIBLIOGRAFI
LAMPIRAN A : Soal Selidik
LAMPIRAN B : Surat Kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia.
Surat Permohonan Menjalankan Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

LAMPIRAN C : Analisis Data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Pemilihan Kawasan Kajian Peringkat Sekolah	40
3.2	Pemilihan Pelajar Mengikut Kelas	41
3.3	Responden Pelajar Mengikut Jantina	41
3.4	Responden Pelajar Mengikut Kaum	42
3.5	Indeks Perkaitan Pandangan dan Sikap Dengan Pencapaian	48
4.1	Klasifikasi Penggunaan Peribahasa dalam Buku Teks Mengikut Jenis	55
4.2	Pandangan Pelajar Terhadap Peribahasa	56
4.3	Tahap Penguasaan dan Taburan Gred Pelajar Dalam Ujian Peribahasa	58
4.4	Ujian-t Penguasaan Peribahasa Berdasarkan Jantina	60
4.5	Analisis ANOVA Penguasaan Peribahasa Berdasarkan Kaum	61
4.6	Ujian-t Penguasaan Peribahasa Berdasarkan Tempat Tinggal	62
4.7	Hubungan Markah Pelajar dengan Sikap Suka Mempelajari Peribahasa	63
4.8	Hubungan Markah Pelajar dengan Sikap Seronok Mempelajari Peribahasa	64
4.9	Hubungan Markah Pelajar dengan Sikap Suka Membuat Latihan.	65
4.10	Hubungan Markah Pelajar dengan Sikap Suka Menggunakan Peribahasa	66

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.11	Hubungan Markah Pelajar dengan Anggapan Peribahasa Membantu Menghasilkan Karangan Yang Lebih Baik	67
4.12	Hubungan Markah Pelajar dengan Sikap Memberi Tumpuan Ketika Guru Mengajar	68
4.13	Hubungan Markah Pelajar dengan Guru Mengajar Jelas	69
4.14	Hubungan Markah Pelajar dengan Guru Sering Menggunakan Peribahasa	70
4.15	Hubungan Markah Pelajar dengan Sikap Menyiapkan Tugasan	71
4.16	Hubungan Markah Pelajar dengan Galakkan Ibubapa	72
4.17	Hubungan Markah Pelajar dengan Ibu Bapa Sering Guna	73
4.18	Hubungan Markah Pelajar dengan Anggapan Mudah Dikuasai	74
4.19	Hubungan Markah Pelajar dengan Anggapan Pelajar Memiliki Buku	75

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

%	Peratus
ANOVA	Analysis of Varience
SPSS	Statistical Packages for the Social Sciences
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SP	Sisihan Piawai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Peribahasa merupakan cabang kekayaan bahasa yang dimiliki oleh semua bahasa dan merupakan satu ungkapan yang di dalamnya tersirat makna yang cukup mendalam untuk kelancaran komunikasi. Penggunaan peribahasa mempunyai objektif yang tersendiri supaya orang yang mendengarnya tidak mudah rasa tersinggung dengan sesuatu komunikasi.

Menurut Mohd Adnan Mohd Ariffin (1992 :xiii) yang menyatakan peribahasa lahir daripada rasa dan pengalaman hidup yang ditempuh oleh masyarakat Melayu lama. Di samping itu peribahasa memberi pengertian dan tujuan yang benar untuk menjadi panduan kepada masyarakat Melayu. Ia diperturunkan daripada satu generasi kepada generasi yang lebih muda. Peribahasa mempunyai beberapa peranan istimewa. Selain memperkaya khazanah bahasa, peribahasa turut memancarkan pandangan hidup masyarakat, nilai, sikap dan cara berfikir pengamalnya serta turut menggambarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepekaan akal budi masyarakat Melayu zaman dahulu. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa peribahasa sebagai salah satu bayangan falsafah dan pemikiran bangsa Melayu sebagai bangsa yang bertamadun.

Beliau juga berpendapat, jikalau tamadun Cina boleh berbangga dengan kata hikmat hasil pemikiran Kung Fu Tze, tamadun Yunani dengan ungkapan falsafah daripada tokoh-tokoh seperti Socrates, Plato dan Aristotle, maka tamadun Melayu pula boleh berbangga dengan ungkapan falsafah dan kata-kata hikmat yang dipadatkan dalam bentuk peribahasa. Jika dibandingkan dengan ungkapan falsafah tamadun lain, ternyata peribahasa Melayu memperlihatkan keunikannya. Hal ini disebabkan peribahasa Melayu tiada nama individu tertentu yang dipertalikan dengan proses penciptaan peribahasa. Keadaan ini membayangkan kerendahan hati para pemikir dan pujangga Melayu, malah dibuktikan bahawa segala pengajaran yang tersirat di sebalik peribahasa itu menjadi milik dan amalan bersama seluruh masyarakat.

Tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan ialah ungkapan yang sesuai untuk menggambarkan kedudukan peribahasa Melayu. Menurut A. Samad Idris (1990 :ix), sebagai salah satu warisan Melayu yang unggul, peribahasa Melayu tetap dipertahankan dan digunakan dalam pelbagai kesempatan. Sebagai salah satu mutiara bangsa, peribahasa Melayu telah diterima umum sebagai salah satu sumber budaya yang dapat mengungkap falsafah yang mendalam, memperlihatkan bangsa Melayu sudah bertamadun dan bermaruah sejak berkurun-kurun lalu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Abdullah Hussain (1997 :xi) dalam bukunya *Canai Budi* menyatakan peribahasa merupakan satu daripada cabang sastera lama, bukan sahaja bagi bangsa Melayu tetapi juga bagi hampir semua bangsa di dunia. Sebelum ada undang-undang yang mengawal perilaku hidup manusia bermasyarakat, orang bijak pandai dalam sesuatu bangsa pada zaman itu telah mencipta beberapa petua, nasihat atau petunjuk sebagai peraturan tatatertib pergaulan, tatasusila dalam pergaulan dan hubungan sesama manusia. Petua, nasihat atau petunjuk itu diambil daripada alam sekeliling, contohnya perangai dan sifat manusia itu sendiri, juga daripada sifat dan tabiat binatang, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya.

Menurut Edwar Djamaris (1990 :29-31) peribahasa sebagai kalimat yang dalam dan luas maknanya. Ini demikian kerana apabila menjelaskan maknanya, keterangan yang panjang lebar diperlukan. Secara ringkas peribahasa terbahagi kepada dua iaitu peribahasa khusus dan peribahasa universal. Peribahasa khusus ialah peribahasa yang menggambarkan sifat atau watak khusus golongan masyarakat atau suatu bangsa manakala peribahasa yang bersifat universal pula berlaku secara umum untuk semua orang dan segala zaman serta dapat ditafsirkan yang sesuai dengan suasana dan situasi peribahasa itu digunakan.

Selain itu, peribahasa mempunyai erti kiasan dan merupakan suatu perumpamaan yang tepat, halus dan jelas kerana peribahasa adalah mutiara bahasa: mestika bahasa, bunga bahasa dan mempunyai keindahan bahasa yang tersendiri. Peribahasa juga dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan sering digunakan sebagai nasihat, sindiran-sindiran atau cacian halus, pujian dan sebagai bahasa diplomasi dalam kehidupan seharian.

Menurut Shamsuddin Ahmad dalam *Kamus Peribahasa Melayu Inggeris* (2005 : vii) memang sudah menjadi kebiasaan kita manusia apabila bercakap atau ingin menyampaikan rasa hati kita, ada pada ketikanya kita berterus terang dan pada waktu yang lain kita berselindung di sebalik kata-kata. Penerima kata-kata itu harus dapat memahami apa yang tersirat. Pada ketika yang lain pula mungkin kita membuat perbandingan sebagai suatu cara kita menyindir bagi menguatkan percakapan kita. Kita sulamkan percakapan kita dengan peribahasa. Dengan cara begini kata-kata yang kita ucapkan itu nescaya memberikan kesan kepada penerimanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut kebiasaan lama masyarakat Melayu, berbicara secara terus terang dalam sesuatu perkara dianggap kurang sopan, perbuatan yang kurang manis dan melanggar adat. Maka mereka berbicara dengan cara berkias dan beribarat menggunakan peribahasa. Mereka begitu teliti dan sering menjaga adap sopan agar menghormati orang lain dan diri juga dihormati.

Sebagai satu aspek bahasa Melayu yang amat indah, peribahasa Melayu seharusnya diajarkan kepada pelajar di sekolah supaya mereka dapat menikmati dan menghayati keindahan, malah menggunakannya untuk melahirkan fikiran dan perasaan yang tepat dan halus. Rahman Shaari (1993 :88), berpendapat bahawa aspek peribahasa harus dianggap sama pentingnya dengan aspek-aspek lain dalam proses pengajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemelajaran bahasa Melayu. Rasionalnya ialah peribahasa hidup dan berkembang bersama-sama bahasa berkenaan secara keseluruhannya.

Menurut Md. Ishak A. Rahman (2005 :42) Peribahasa di sekolah dikelaskan dalam kelompok tatabahasa. Format pentaksiran atau peperiksaan bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sejak tahun 2004 memasukkan peribahasa di bawah pengetahuan dan kefahaman tentang tatabahasa Melayu. Peribahasa mempunyai pelbagai jenis seperti simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan, pepatah, cogan kata, perbilangan dan kata hikmat. Setiap jenis peribahasa tersebut mempunyai ciri-ciri tertentu dan sesetengahnya diucap secara berpantun. Misalnya, “Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian”.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari segi pengajaran dan pemelajaran bahasa Melayu, peribahasa merupakan salah satu daripada sistem bahasa dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Malayu untuk peringkat menengah rendah hingga sekolah menengah. Sukatan Pelajaran Bahasa Malayu (2000) bagi tingkatan IV dan V meletakkan peribahasa di bawah bahagian pembacaan dan pemahaman dan salah satu tujuan yang dinyatakan dalam bahagian ini ialah supaya pelajar dibimbing untuk menghuraikan maksud dan erti peribahasa.

Ini bertepatan dengan objektif Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Lima (2000 :11) yang menyatakan, peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan, dan kata hikmat yang perlu diajarkan dalam pendidikan bahasa Melayu. Pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

falsafah, keperibadian, dan nilai murni masyarakat Malaysia. Penguasaan peribahasa ini merupakan lanjutan daripada penguasaan peribahasa pada peringkat sekolah rendah. Peribahasa hendaklah diajarkan dalam konteks. Buku-buku peribahasa Melayu boleh dijadikan sumber rujukan.

Aspek peribahasa seharusnya diajar di sekolah supaya pengajaran dan pemelajaran serta penghayatan peribahasa bukan sahaja bertujuan untuk kefahaman tetapi yang lebih utama adalah untuk mencapai tahap kemahiran berbahasa. Tahap kemahiran berbahasa yang dimaksudkan ialah kemampuan pelajar untuk menghasilkan gaya penggunaannya yang berkualiti. Hal ini akan dapat dilihat dengan jelas dalam konteks penulisan karangan khasnya agar karangan yang dihasilkan menjadi lebih indah dan bermutu jika disulami dengan peribahasa di dalamnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengajaran peribahasa Melayu akan menjadi lebih berkesan jika guru bahasa Melayu sendiri mengetahui ciri-ciri unik peribahasa dengan mendalam dan dapat menggunakan pendekatan kontekstual untuk menjadikannya lebih bermakna serta menggabungjalinkan pelajaran peribahasa dengan aspek-aspek bahasa Melayu yang lain. Teknik yang pelbagai dan menyeronokkan juga dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari peribahasa.

Pendekatan kontekstual ini mempunyai beberapa kelebihan. Yang pertama lebih daripada satu peribahasa dapat dibincangkan secara bermakna dalam satu petikan. Yang kedua, petikan yang sesuai digunakan untuk menggabungjalinkan pengajaran peribahasa dalam aspek lisan dan juga penulisan dan yang ketiga, kerana memang terdapat pantun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melayu yang menggunakan peribahasa Melayu sebagai maksud, maka pengajaran peribahasa dapat dikaitkan pula dengan pengajaran puisi Melayu.

1.2 Jenis-Jenis Peribahasa

Secara amnya, peribahasa boleh digolongkan kepada dua jenis yang utama, iaitu peribahasa yang bererti selapis seperti pepatah, bidalan dan perbilangan dan peribahasa yang bereri dua lapis seperti perumpamaan dan simpulan bahasa.

Peribahasa Beerti Selapis

1.2.1 Bidalan

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2003: vi) menyatakan bidalan sebagai pepatah atau peribahasa yang berfungsi sebagai nasihat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh-contoh bidalan yang biasa disebut dalam kehidupan seharian ialah;

1. Biar lambat asal selamat.
2. Indah khabar dari rupa.
3. Alah bisa tegal biasa.

Mengikut pendapat Keris Mas (1998: 299) dalam Aishah Rohani Nahar, bidalan terdiri daripada dua atau lebih rangkaikata yang indah, kadangkala rangkaikata yang pertama merupakan pembayang maksud dan rangkaikata kedua merupakan maksud. Bidalan bersifat perulangan. Unsur-unsur perulangan merupakan keindahan tersendiri yang terdapat pada bidalan tetapi sangat kurang dan tidak begitu jelas pada peribahasa lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala Safiah Hussin dan rakan-rakan dalam *Glosari Istilah Kesusasteraan* (1988 :36) menyatakan bidalan hampir sama maknanya dengan peribahasa, pepatah, perbilangan dan perumpamaan, iaitu segala susunan kata yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai sejak beberapa lama oleh kerana indah dan bijak perkataannya, luas dan benar maksud tujuannya menjadi sebutan orang ramai sebagai bandingan, teladan dan pengajaran. Bidalan berfungsi sebagai cermin peraturan dalam kehidupan masyarakat. Menurut mereka lagi, dapatlah dibuat tanggapan bahawa bidalan tercipta daripada orang-orang yang terbijak dalam sesuatu kumpulan itu hingga dapat melahirkan idea-idea yang besar hanya dengan beberapa patah perkataan yang tersusun indah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2.2 Pepatah

Pepatah biasa diucapkan seolah-olah untuk mematahkan kata-kata atau ucapan orang lain. Walau bagaimanapun pepatah lebih memberatkan tentang sifat ringkasnya, bijak perkataannya dan benar pengajarannya. Bahasanya berbentuk susunan kalimat yang tegas, tetapi mengandungi kias. (Safian 1988 :246) dalam Aishah Rohani Nahar. Contoh pepatah ialah :

1. Menang jadi abu, kalah jadi arang
2. Direndam tak basah, dibakar tak hangus
3. Ditangkap buaya ada riaknya, ditangkap malas tidak bertanda.

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2003 :v), menyatakan pepatah atau perbilangan sebagai ungkapan yang berasal-usul daripada pusaka adat resam. Makna

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ungkapan itu tidak berubah-ubah. Pepatah berfungsi sebagai pedoman hidup anggota masyarakat yang mengamalkan sesuatu adat resam. Pepatah memiliki ciri-ciri puisi tradisional Melayu. Contoh pepatah Melayu ialah nak kaya berdikit-dikit, nak ramai bertabur urai yang bermaksud cermat ialah tangga kejayaan, murah hati ialah tangga tuah.

1.2.3 Perbilangan

Perbilangan merupakan peribahasa yang berangkai-rangkai perkataan. Menurut Za'ba (1965 :171), perbilangan seakan-akan bidalan dan pepatah, yang membezakan hanyalah perkataannya berenggan-renggan dua atau lebih, disebut satu lepas satu seperti orang membilang dan isinya kebanyakan hampir-hampir menjadi undang-undang yang tetap. Antara contoh perbilangan itu ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Siapa menjala siapa terjun,
   Siapa berhutang siapa membayar
2. Kecil jangan disangka anak
   Besar jangan disangka bapa

Safiah Hussin dan rakan-rakan dalam buku *Glosari Istilah Kesusasteraan* (1988 : 247) menyatakan perbilangan merupakan peribahasa yang berangkai-rangkai perkataannya, dituturkan satu demi satu ayat, "seperti orang membilang". Keadaan ayatnya itu berkait-kait tujuannya sehingga menjadi sebagai kata-kata biasa atau ayat-ayat itu dipakai hingga tergambar seperti undang-undang atau peraturan-peraturan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah ditetapkan. Orang-orang Minangkabau misalnya dalam menyatakan adat istiadat perpatih menyebut perbilangan seperti:

1. Hidup dikandung adat

   Mati dikandung tanah

2. Hukum berdiri dengan saksi

   Adat berdiri dengan tanda

3. Siapa berhutang siapa membayar

Peribahasa Beerti Dua Lapis

1.2.4 Perumpamaan

Menurut Keris Mas (1998: 298) dalam Aishah Rohani Nahar menyatakan, perumpamaan ialah kata-kata indah yang tersusun rapi dalam menyatakan maksud tertentu. Ia dihasilkan berdasarkan analogi antara dua perkara iaitu menyatakan maksud dengan membandingnya atau mengumpamakan dengan sesuatu yang lain seumpamanya.

Safiah Hussin dan rakan-rakan, (1988: 250) berpendapat, perumpamaan ialah peribahasa yang mengandungi makna dua lapis iaitu maksudnya berlainan daripada kata-kata zahirnya. Perumpamaan digunakan untuk menyatakan sesuatu maksud dengan membandingkannya atau mengumpamakannya kepada sesuatu perkara lain. Perumpamaan terbahagi kepada dua jenis iaitu menyebut perbandingan dan tidak menyebut perbandingan. Perumpamaan yang menyebut perbandingan menggunakan kata-kata *seperti, bak, pernaka, sepantun, bagai, macam, ibarat, laksana* dan *umpama.*

Contoh Perumpamaan yang menyebut perbandingan ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Seperti katak di bawah tempurung
2. Seperti kacang lupakan kulit
3. Bagai melepaskan anjing tersepit
4. Umpama aur dengan tebing

Contoh Perumpamaan yang tidak menyebut perbandingan ialah:

1. Genggam bara api biar sampai jadi arang
2. Sambil menyelam minum air
3. Siapa makan lada dialah terasa pedas
4. Bapa burik anak rintik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2.5 Simpulan Bahasa

Abdullah Hussain (1993 :vii) mendefinisikan simpulan bahasa sebagai perkataan atau kelompok kata yang tertentu untuk menyatakan sesuatu maksud lain daripada ertinya yang lazim. Manakala (Safian Hussain 1988: 308) dalam Aishah Rohani Nahar menyatakan simpulan bahasa ialah ungkapan yang tetap tersimpul dengan susunan halus dan membawa maksud tertentu serta berlainan daripada makna asalnya. Ia mengambil sempena pengajaran atau kebenaran yang terkandung dalam sesuatu cerita, peristiwa atau kejadian. Simpulan bahasa biasanya terdiri daripada dua perkataan yang digabungkan.

Berikut ialah contoh simpulan bahasa:

1. Berat tulang - pemalas
2. Makan angin - berjalan-jalan sambil bersantai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Isi hati - perasaan seseorang

1.3 Permasalahan Kajian

Kajian ini bermula daripada masalah kelemahan menguasai peribahasa yang berlaku dalam kalangan pelajar pada masa kini. Ia berpunca daripada tiada minat dan kurang mendapat galakkan daripada keluarga atau ibu bapa khususnya. Persoalannya adakah penggunaan peribahasa ini tidak lagi sesuai untuk mendidik anak-anak era siber yang hanya memahami sesuatu perkara secara terus terang atau lebih dikenali oleh generasi kini sebagai istilah 'sound direct'.

Demikian juga halnya dengan pelajar-pelajar sekolah yang rata-rata tahap pemahaman dan penguasaan peribahasa amat rendah. Hal sebegini mungkin berpunca daripada cara pengajaran dan pembelajaran yang kurang berkesan dan merangsang minda, kurang diberi penekanan dalam sukatan pelajaran dan sikap pelajar-pelajar sendiri yang memandang ringan soal pemelajaran peribahasa ini. Seandainya masalah-masalah yang wujud ini tidak diatasi segera dengan melaksanakan tindakan yang wajar, tegas, berkesan dan berterusan, tidak mustahil peribahasa Melayu nanti akan menjadi bahan sejarah yang hanya boleh ditemui di arkib-arkib sahaja.

Kajian Ishak Ramli (1990) mengatakan, jika ditinjau dari segi perlaksanaannya, peribahasa dalam bahasa Melayu di sekolah-sekolah sekarang ini menimbulkan beberapa kesukaran kepada pelajar untuk menggunakannya secara berkesan. Keadaan ini berlaku kerana pengajaran peribahasa sering kali dianggap sebagai satu aspek yang berasingan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

serta jarang sekali digabungjalinkan dengan teliti serta intim dengan aspek kemahiran berbahasa yang lain seperti tulisan dan penulisan.

Pendapat beliau disokong oleh Koh Boh Boon dalam bukunya *Prespektif-perspektif Dalam Pengajaran Bahasa Malaysia* (1989), yang menyatakan bahawa pelajar-pelajar tidak dilibatkan secara aktif untuk berfikir dengan mendalam bagaimana maksud sesuatu peribahasa disampaikan melalui analogi yang digunakan untuk menilai sejauh mana tepat atau sesuainya peribahasa itu dalam konteks penggunaannya. Pelajar juga tidak dapat memahami erti peribahasa yang telah diajarkan kepada mereka dengan sebenar-benarnya dan mereka cenderung menghafal maksud peribahasa berkenaan. Lama-kelamaan, mereka menganggap peribahasa Melayu sebagai satu aspek bahasa Melayu yang tidak bermakna dan mati.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seorang lagi pengkaji tempatan, iaitu Isahak Haron berpendapat bahawa peribahasa seharusnya diberikan perhatian yang sewajarnya dalam aktiviti penulisan dan lisan. Pendekatan ini sejajar dengan saranan R.J Wingfield (1968:231) yang menekankan aspek pengukuhan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bidang tersebut. Satu bentuk motivasi harus dipupuk dan dimantapkan supaya wujud kesedaran dan keyakinan bahawa peribahasa sebagai satu aspek keindahan bahasa.

Pengkaji mendapati perkara ini perlu diselidiki kerana pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu bukan sahaja bertujuan untuk kefahaman tetapi yang lebih utama untuk mencapai tahap kemahiran peribahasa dalam kalangan pelajar. Pengkaji juga berharap penggunaan peribahasa dalam kegiatan seharian tidak luput atau ‘mati’.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, diharapkan guru-guru bahasa yang mengajar bahasa Melayu tidak mengasingkan kemahiran peribahasa dengan kemahiran bahasa yang lain.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui beberapa perkara seperti berikut:

1. Mengenal pasti jumlah peribahasa yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu tingkatan 5.
2. Mengukur tahap kebolehan pelajar tingkatan lima dalam penguasaan peribahasa yang terdapat dalam buku teks bahasa Melayu tingkatan lima.
3. Melihat hubungan antara skor pencapaian dalam ujian peribahasa dengan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kebolehan pelajar dalam penguasaan peribahasa berdasarkan pembolehubah-pembolehubah seperti jantina, kaum, tempat tinggal, ibu bapa, guru, sikap dan minat pelajar terhadap peribahasa.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat menjawab beberapa persoalan seperti yang berikut:

1. Berapakah bilangan peribahasa yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu tingkatan 5 yang dijadikan bahan proses pengajaran dan pembelajaran guru?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa berdasarkan jantina?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa berdasarkan kaum?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa berdasarkan tempat tinggal?
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap suka mempelajari peribahasa?
6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan anggapan ia seronok dipelajari?
7. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap suka membuat latihan?
8. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap suka menggunakan peribahasa?
9. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan anggapan peribahasa membantu menghasilkan karangan yang baik?
10. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan tumpuan yang diberi ketika guru mengajar?
11. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan guru mengajar peribahasa dengan jelas?
12. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan guru sering mengajar menggunakan peribahasa?
13. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap suka menyiapkan tugasan?
14. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan galakkan ibu bapa?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

15. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap ibu bapa sering menggunakan peribahasa?
16. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan anggapan ia mudah dikuasai?
17. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan keperluan memiliki buku peribahasa?

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian tentang penguasaan peribahasa ini penting untuk melihat tahap penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar pada hari ini. Kemantapan sesuatu bangsa itu bergantung kepada penggunaan peribahasa dalam kalangan penuturnya. Oleh sebab peribahasa merupakan satu variasi bahasa yang mempunyai makna tersirat, maka penggunaannya secara menyeluruh dalam kalangan pelajar perlu diberi perhatian sewajarnya agar peribahasa terus berkembang dengan suburnya pada masa-masa akan datang. Oleh itu, kepentingan kajian penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar tingkatan lima ini dapat dilihat kepada golongan-golongan berikut:

1.6.1 Masyarakat

Pengkaji berharap masyarakat warga emas, dewasa, dan remaja dapat mempertahankan kedudukan peribahasa sebagai khazanah lama warisan bangsa. Bagi golongan warga emas dan dewasa, mereka perlulah sering mengaplikasikan peribahasa untuk membentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sahsiah masyarakat moden. Bagi golongan remaja pula, diharapkan mereka prihatin dan menggunakan peribahasa dalam kehidupan harian agar berlaku kesefahaman komunikasi antara mereka dengan golongan warga emas dan dewasa. Selain itu, golongan remaja juga haruslah dapat mempertingkatkan khazanah bahasa dan bangsa melalui penggunaan peribahasa agar mereka menjadi individu yang terampil pada era ini.

1.6.2 Sekolah

Melalui kajian ini, pihak sekolah dapat merancang dan melengkapkan kemudahan pengajaran serta meningkatkan keupayaan perpustakaan sebagai gedung ilmu. Pihak sekolah juga dapat merancang dan mencadangkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan seterusnya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia strategi dan kaedah yang berkesan untuk meningkatkan tahap penguasaan peribahasa pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6.3 Guru

Kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu, hasil kajian ini dapat memberikan penjelasan tentang tahap penguasaan peribahasa pelajarnya. Melalui maklumat yang diperolehi, dapat membantu guru-guru bahasa dalam merangka atau merancang strategi pengajaran bahasa Melayu yang lebih berkesan dengan menggunakan teknik penggabungjalinan yang pelbagai dan menarik. Guru juga boleh membimbing pelajar agar dapat memahami makna tersurat dan tersirat menggunakan teknik yang bersesuaian dengan tahap kebolehan pelajar yang berbeza-beza.

1.6.4 Pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Para pelajar perlu memanfaatkan kajian ini kerana mereka dapat mengetahui cara penggunaan peribahasa Melayu yang tepat. Pelajar juga dapat mengaplikasikan jenis-jenis peribahasa untuk dihasilkan dalam penulisan karangan dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Manakala kelemahan yang dihadapi seharusnya diperbaiki dan melatih diri untuk menguasai peribahasa dengan lebih baik.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada jenis-jenis peribahasa yang diajarkan kepada pelajar tingkatan lima di sekolah, iaitu simpulan bahasa, pepatah, perumpamaan, dan bidalan yang berjumlah sebanyak 39 peribahasa seperti yang terdapat dalam buku teks bahasa Melayu tingkatan lima. Sampel kajian diambil hanya di dua buah sekolah menengah sahaja. Sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Kudin Raub yang terletak di bandar dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dong, Raub iaitu sekolah yang terletak di luar bandar.

Dari segi responden, kajian ini dibataskan hanya kepada 60 orang pelajar tingkatan lima di dua buah sekolah yang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan. Sekolah Menengah Tengku Kudin terdiri daripada pelbagai ras iaitu Melayu, Cina, India berdasarkan tiga tahap kecerdasan iaitu, pelajar yang terdiri daripada kelas cerdik, sederhana dan lemah. Manakala Sekolah Menengah Dong hanya terdiri daripada pelajar Melayu sahaja juga berdasarkan tiga tahap kecerdasan iaitu pelajar yang terdiri daripada kelas cerdik, sederhana dan lemah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Definisi Istilah

Definisi istilah untuk perkataan-perkataan penting dalam tajuk desertasi ini diberikan berdasarkan beberapa buah buku rujukan, kamus dan mengikut pendapat pengkaji-pengkaji. Antara istilah yang diberi definisi ialah:

1.8.1 Penguasaan

Bermaksud perihal menguasai atau menguasakan. Iaitu mengetahui dengan mendalam, menjadikan diri mahir atau berpengetahuan tentang sesuatu. (Kamus Dewan :835)

1.8.2 Pandangan

Menurut Kamus Dewan (2005 :969) pandangan bermaksud anggapan, pendapat, tanggapan atau fikiran tentang sesuatu.

1.8.3 Sikap

Bermaksud perbuatan atau pandangan yang berdasarkan pada sesuatu pendapat (Kamus Dewan (2005 :1491)

1.8.4 Peribahasa

Menurut Kamus Dewan (2005 :1185), peribahasa bermaksud ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu, bidal, pepatah. Pendita Za'ba (1965 :165) mendefinisikan peribahasa sebagai segala sesuatu cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya, dipakai sebagai sebut-sebutan orang sebagai bandingan teladan dan pengajaran.

Kamaluddin Mohammad atau Keris Mas (1988 :135) pula, menyatakan peribahasa adalah sejenis gaya percakapan atau ujaran yang berisi kebijaksanaan fikiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan pemerhatian yang tersusun dalam bentuk ringkas, indah, sedap didengar dan benar pada perasaan dan fikiran. Setiap peribahasa itu sudah lama terbentuk dan dipakai dalam pergaulan umum dan menjadi kata-kata bandingan, teladan serta pengajaran.

Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2002 :2), peribahasa merupakan salah satu daripada cabang bahasa kiasan. Bahasa kiasan ialah ungkapan-ungkapan yang maknanya tidak boleh diketahui daripada makna perkataan itu sendiri ataupun daripada susunan tatabahasanya. Bahasa kiasan terbahagi kepada dua jenis, iaitu peribahasa dan bukan peribahasa. Kiasan yang sudah mantap dari segi bentuk bahasanya dan maknanya diistilahkan peribahasa, manakala kiasan yang tidak mantap bentuk dan maknanya diistilahkan bukan peribahasa. Beliau membahagikan peribahasa kepada empat jenis, iaitu simpulan bahasa, pepatah (perbilangan), bidalan dan perumpamaan.

Dengan ini dapat disimpulkan maksud peribahasa sebagai ungkapan ringkas yang terdiri daripada kata-kata yang bijak dan indah susunan, lahir daripada pengalaman dan pemerhatian orang Melayu terhadap kejadian-kejadian alam di sekeliling mereka. Ia mengandungi pelbagai teladan, pengajaran, prinsip-prinsip hidup dan tatasusila lebih luas daripada itu, peribahasa juga dapat menggambarkan kehidupan masyarakat Melayu sama ada dari segi perasaan, tindak tanduk, kegembiraan, cara berfikir dan lain-lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Peribahasa adalah salah satu cabang sastera lama dan melalui bentuk-bentuk peribahasa dapat mencerminkan watak sesuatu bangsa. Agak sukar untuk menentukan mula munculnya peribahasa itu di tengah-tengah masyarakat Melayu. Tentunya peribahasa mula digunakan apabila bangsa Melayu mengenal peradaban. Seringkali peribahasa digunakan ketika masyarakat Melayu mengatur organisasi kehidupan, batas norma-norma masyarakat, tatatertib pergaulan dan interaksi sesama manusia.

Menurut Abdullah Hussain (1989), asal peribahasa itu adalah daripada ciptaan rakyat jelata melalui pengalaman hidupnya. Selain itu terdapat orang-orang yang arif bijaksana mengeluarkan ungkapan kata-kata hasil daripada renungannya. Mereka ini adalah orang yang mengetahui kiasan dengan perbandingan, lahir dengan batin serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkara yang tersurat dan tersirat. Golongan orang-orang seperti ini sangat sedikit jumlahnya, akan tetapi pengaruhnya amat besar. Seringkali mereka merenungkan dalam persemadian mereka cara-cara yang baik untuk dijadikan pegangan dalam hidup agar kehidupan mereka selamat dan sempurna. Dengan yang demikian, maka teserlahlah betapa luasnya renungan serta fikiran leluhur bangsa kita itu ketika menyusun tatatertib hidup sehingga kini masih kita gunakan walaupun ada di antaranya tidak sesuai dengan perubahan zaman dan kemajuan ilmu pengetahuan.

Kajian-kajian yang berkaitan peribahasa telah lama diberi perhatian oleh pengkaji-pengkaji bahasa, baik di Malaysia, mahupun di luar negara. Pelbagai pendapat serta ulasan terhadapnya telah dilahirkan oleh pengkaji mengikut kepentingan dan pandangan masing-masing. Menurut Mohd. Majid Konting (1998 :43), pengetahuan yang didapati daripada karya-karya berkaitan membolehkan penyelidik menerang dan menjelaskan latar belakang sesuatu masalah. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini pengkaji telah membahagikan bentuk kajian ini kepada dua bahagian, iaitu kajian-kajian di luar negara dan kajian-kajian yang dibuat di Malaysia.

2.2 Literatur Kajian

Literatur tentang peribahasa ini dibuat oleh pengkaji desertasi berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dalam negara kita dan pengkaji luar negara. Berikut ialah antara kajian yang dilakukan oleh mereka:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.1 Kajian oleh Pengkaji Di Malaysia

Perubahan zaman telah menyaksikan perubahan makna peribahasa sesuai dengan perubahan fungsi dan maknanya pada hari ini. Hal ini dijelaskan oleh Abdullah Hassan (1986: 206) yang berpendapat bahawa bahasa "menyeberang sungai" yang sesuai dengan zaman dahulu ketika masyarakat Melayu begitu akrab hubungannya dengan sungai tetapi kini ungkapan "menyeberang jalan" pula dirasakan lebih bertepatan. Hal ini sesuai dengan corak kehidupan kini yang menggunakan jalan raya sebagai sistem perhubungan utama.

Menurut Asmad (1990: 10) yang berpendapat bahawa mengenal atau mempelajari peribahasa bukan sahaja dapat diketahui erti dan maksudnya bahkan pula mengenal watak, sikap, budi bahasa dan latar belakang sejarah kehidupan masyarakat yang melahirkan peribahasa itu. Dengan menyelidiki corak ragamnya akan dapat kita menyelami lubuk jiwa masyarakat Melayu pada zaman lampau dan dengan itu juga kita dapat mengenal diri kita sendiri.

Keprihatinan Kementerian Pelajaran dengan khazanah budaya bangsa ini telah memasukkan peribahasa dalam penulisan buku teks bahasa Melayu di sekolah. Buku teks bahasa Melayu tingkatan lima ditulis oleh Mohd. Dahlan Mohd. Ramli, Mohd. Samsuddin Mahmood dan Abd. Ghalib Yunus setebal 274 halaman yang diterbitkan pada tahun 2003 telah memasukkan sebanyak 39 jumlah peribahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Buku teks menjadi salah satu sumber rujukan utama kepada pelajar dan guru di sekolah. Guru menggunakan buku teks sebagai garis panduan untuk menjalankan aktiviti pengajaran. Hal ini menunjukkan betapa penting peribahasa dan penggunaannya kepada masyarakat, terutamanya golongan pelajar. Namun, tidak ramai pengkaji yang membuat kajian tentang jenis dan bilangan peribahasa yang terdapat dalam buku teks bahasa Melayu.

Kamarziyah Masri (2005: 276) Membuat tinjauan peribahasa dalam buku teks sekolah menengah dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Pengkaji mendapati sejumlah 274 peribahasa yang dimuatkan dalam buku-buku teks tersebut. Jumlah peribahasa untuk tingkatan satu sejumlah 82, tingkatan dua sebanyak 69, tingkatan tiga sebanyak 53, tingkatan empat 15 dan tingkatan lima sejumlah 55 peribahasa. Simpulan bahasa merupakan peribahasa yang sering digunakan berbanding dengan jenis perumpamaan, pepatah dan bidalan. Kekerapan dan peratusan bagi setiap jenis peribahasa secara keseluruhannya ialah simpulan bahasa (667 = 60.9%), perumpamaan (34 = 12.4%), pepatah/perbilangan (49 = 17.9%) dan bidalan (24 = 8.8%).

Berdasarkan pemerhatian dan analisis beliau, pengkaji juga mendapati terdapat sejumlah 313 peribahasa baru yang wujud pada masa kini. Daripada jumlah tersebut didapati bahawa peribahasa jenis simpulan bahasa paling banyak terbentuk berbanding dengan jenis-jenis peribahasa yang lain, seperti pepatah, perbandingan dan bidalan. Masing-masing mencapai peratus sebanyak; simpulan bahasa (250 = 79.8%), perumpamaan (39 = 12.5%), pepatah/perbilangan (12 = 6.4%) dan bidalan (4 = 1.3%).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antara contoh peribahasa baru ialah :

1. Ada hari ada bulan = dendam yang belum berbalas
2. Awek cun = kekasih yang cantik atau jelita
3. Kantoi = gagal atau kecundang
4. Kena kencing = kena tipu
5. Jiwang-jiwang = sentimental atau jiwa-jiwa
6. Jual minyak = cakap bohong
7. Kalau tidak dibukakan tin, manakan dapat biskutnya. = sekiranya tak berusaha manakan dapat hasilnya
8. Bawa alamat = ada tanda
9. Berdiri di belakang = memberi sokongan
10. Kurus semangat = terperanjat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Norazlina Mohd. Kiram (2002: 7) telah melakukan pemerhatian terhadap generasi muda hari ini dan mendapati mereka kurang mementingkan penggunaan peribahasa Melayu dalam komunikasi seharian. Kebanyakan daripada mereka hanya mengingati kiasan yang biasa dan mudah digunakan seperti “melentur buluh biarlah dari rebungnya”, “siapa makan cili dialah terasa pedas” dan “biar papa asal bergaya”.

Hasil pemerhatian beliau juga menunjukkan ada di antara mereka yang tidak lancar, tidak ingat dan tidak berkemampuan mengunakan kiasan yang sesuai semasa berkomunikasi. Fenomena ini tidak sepatutnya berlaku sebaliknya generasi muda perlu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diberikan pendedahan yang lebih luas supaya dapat memartabatkan peribahasa yang tercetus daripada pemikiran bijak masyarakat dahulu.

Menurut Koh Boh Boon (1982: 196) Apa yang wujud di sekolah ialah pelajar-pelajar tidak dapat memahami erti peribahasa yang telah diajar dengan sebenarnya dan mereka cenderung menghafal maksud peribahasa berkenaan. Lama-kelamaan mereka menganggap peribahasa sebagai satu aspek bahasa Melayu yang tidak bermakna dan 'mati'. Jadi tidak hairanlah jika masyarakat masa kini menganggap peribahasa sebagai 'beku' dan hanya sesuai untuk masyarakat Melayu lama sahaja.

Nurul Ashiken Md. Iasa (2004 :84) dalam kajiannya mendapati bahawa 23.07% daripada responden kajian tidak pernah menggunakan peribahasa Melayu dalam interaksi mereka dengan kawan-kawan malah dalam perbualan seharian. Manakala 80.00% menunjukkan responden jarang-jarang menggunakan peribahasa dalam perbualan dan kehidupan seharian. Cuma 15.38% sahaja yang menyatakan kerap kali atau suka menggunakan peribahasa Melayu dalam kehidupan seharian.

Menurut Hairulnishak Adam (2001: 51) dalam kajian beliau terhadap penguasaan peribahasa pelajar mendapati daripada 72 jumlah sampel yang dikaji hanya 22 orang pelajar sahaja berjaya mendapat gred A atau 30.55%. Manakala seramai 34 orang pelajar berjaya mendapat gred B iaitu sebanyak 36.11%. Bilangan pelajar yang mendapat gred C ialah 12 orang pelajar atau 16.66%. Manakala pelajar yang mendapat gred D dan masing-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masing 6 orang iaitu 8.33%. Hasil daripada kajian ini beliau mendapati tahap penguasaan peribahasa pelajar secara umum berada pada tahap sederhana.

Menurut Asmad (1990: 10) yang berpendapat bahawa mengenal atau mempelajari peribahasa bukan sahaja dapat diketahui erti dan maksudnya bahkan pula, mengenal watak, sikap, budi bahasa dan latar belakang sejarah kehidupan masyarakat yang melahirkan peribahasa itu. Dengan menyelidiki corak ragamnya akan dapat kita menyelami lubuk jiwa masyarakat Melayu pada zaman lampau dan dengan itu juga kita dapat mengenal jati diri kita sendiri.

Kajian tentang peribahasa yang dibuat oleh Goh Suzie dalam Hairulnishak Adam (1998: 106) menunjukkan pelajar di sekolah tidak dapat mengaplikasikan peribahasa dengan meluas dalam persekitaran formal pemelajaran bahasa Melayu khususnya dan kehidupan seharian, terutama semasa berinteraksi bersama kawan-kawan atau ahli keluarga mereka umumnya. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa 26.7% responden tidak pernah menggunakan peribahasa Melayu dengan kawan-kawan mereka, manakala 73.3% jarang-jarang menggunakannya dalam interaksi mereka dengan kawan-kawan mereka semasa di sekolah.

Beliau juga berpendapat dari segi potensi ke arah perkembangannya, pengajaran dan pembelajaran peribahasa Melayu dalam konteks pendidikan formal di sekolah-sekolah negara ini adalah pada tahap yang positif dan memberangsangkan kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapatan kajian beliau menunjukkan para pelajar di sekolah masih meminati peribahasa Melayu kerana:

i. Bunyi peribahasa Melayu sedap didengar.
ii. Penguasaan peribahasa Melayu akan bertambah baik jika sering digunakan.
iii. Peribahasa dapat meringkaskan sesuatu huraian yang panjang.
iv. Dapat digunakan untuk menyindir dengan bahasa yang sopan.
v. Peribahasa Melayu adalah warisan yang perlu dipertahankan oleh generasi pada masa kini.
vi. Peribahasa dapat memberi kesedaran dan teladan serta pengajaran dalam kehidupan seharian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun kajian telah menunjukkan pelajar di sekolah masih meminati peribahasa Melayu, tetapi terdapat halangan dan masalah yang dikenal pasti. Antara halangan yang dikenal pasti dalam konteks penggunaan peribahasa dalam bahasa Melayu di kalangan pelajar termasuklah:

i. Peribahasa Melayu jarang digunakan pada zaman ini.
ii. Penguasaan peribahasa yang lemah menyukarkan penggunaannya dalam interaksi sehari-hari.
iii. Tidak ada faktor tarikan yang kuat mengapa peribahasa Melayu perlu digunakan, kecuali dalam mata pelajaran bahasa Melayu kerana sangat kurang digunakan dalam mata pelajaran lain serta aspek lain dalam kehidupan.
iv. Para pelajar bukan Melayu tidak faham peribahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v. Ketiadaan minat.

vi. Takut melakukan kesilapan apabila digunakan dalam situasi yang tidak tepat ataupun salah penggunaannya.

vii. Tidak gemar membaca.

Masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam mempelajari peribahasa dalam bahasa Melayu pula termasuklah:

i. Sukar untuk diingat atau dihafal.

ii. Peribahasa Melayu rumit kerana terdapat banyak makna dan sukar untuk memahami makna yang tersirat.

iii. Jumlah peribahasa Melayu yang banyak, menyukarkan penghafalan.

iv. Peribahasa panjang dan mempunyai makna yang pelbagai.

v. Makna peribahasa yang mendalam menyukarkan pemilihan situasi yang sesuai untuk digunakan.

Abdullah Hussin (1989: 122) berdasarkan kajiannya mendapati tahap penguasaan peribahasa pelajar adalah sederhana dan tidak boleh dibanggakan. Pelajar tidak berminat mempelajari peribahasa dan menganggap pengajaran peribahasa sesuatu yang tidak menyeronokkan. Hal ini membimbangkan pengkaji kerana mereka seperti hilang identiti cerminan budaya bangsa sendiri.

Namun demikian, peribahasa itu masih lagi digunakan untuk menyampaikan sesuatu perkara sebab masyarakat Melayu masih lagi ada yang tidak mahu berterus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terang. Ini diakui oleh Darus Ahmad (1974) dalam Aisyah Rohani Nahar yang menyatakan bahawa:

> *"Menurut kebiasaan lama masyarakat Melayu, berbicara secara terus terang dalam sesuatu perkara dianggap kurang sopan, perbuatan yang kurang manis dan melanggar adat ... maka, mereka berbicara dengan cara berkias dan beribarat menggunakan peribahasa".*

Menurut Aisyah Rohani Nahar (1998 :7) yang menyatakan bahawa budaya masyarakat Melayu yang suka berterus terang terutama bagi perkara yang negatif menyebabkan fungsi peribahasa sebagai gaya bahasa halus dan bersopan amat penting bagi menyampaikan mesej. Gaya bahasa halus dan bersopan dalam peribahasa, banyak menggunakan lambang. Makna tersirat dalam bentuk perlambangan menyebabkan masalah memahami peribahasa timbul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kenyataan ini disokong oleh pendapat Maslina Abdullah (1991 :40-41) yang menyatakan bahawa jika generasi muda pada hari ini ditegur dan disindir dengan peribahasa misalnya, banyak yang akan tercengang-cengang kerana mereka tidak dapat menangkap maksud sebenar yang hendak disampaikan oleh orang yang menegur atau menyindir tadi.

Namun beliau berpendapat, peribahasa tidak seharusnya diabaikan penggunaannya pada masa sekarang kerana peribahasa ialah bentuk pendidikan yang diberi secara percuma, lembut dan dapat membuka fikiran individu tertentu, terutamanya generasi muda hari ini untuk menerimanya dengan baik. Menurut beliau lagi selain

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi alat pendidikan berkesan, peribahasa juga menjadi alat untuk menyimpan maksud hasrat hati.

2.2.2 Kajian oleh Pengkaji Luar Negara

Kajian serta penelitian yang khusus tentang peribahasa Melayu oleh pengkaji-pengkaji barat sukar diperoleh. Namun begitu, kekayaan peribahasa Melayu yang berjumlah beribu-ribu itu telah menarik mereka untuk mengkaji peribahasa Melayu di Nusantara. Penulis barat juga telah melakukan pelbagai kajian terhadap peribahasa. Kajian-kajian ini sama ada mengkaji peribahasa mereka sendiri ataupun peribahasa Melayu, adalah kajian yang didasarkan kepada kepentingan budaya dan sosial. Kajian mereka juga tertakluk kepada bentuk-bentuk peribahasa yang dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Winstedt (1950) dalam Alias Sidek merupakan seorang orientalis barat yang banyak mengkaji hasil-hasil kesusasteraan Melayu lama. Beliau berasa kagum dengan kekayaan peribahasa Melayu yang berjumlah berpuluh ribu itu. Masyarakat Melayu lama menggunakan peribahasa dalam segala lapangan hidup. Berdasarkan itu beliau menyimpulkan bahawa kebanyakan peribahasa yang dihasilkan oleh orang Melayu lebih menyangkut soal alam sekitar sesuai dengan kehidupan orang Melayu yang menjadikan alam sebagai sumber rezeki. Masyarakat Melayu lama menggunakan segala kekayaan alam seperti tanah, sungai, laut dan tumbuh-tumbuhan untuk menjayakan kerja-kerja harian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

James Dananjadja (1984) telah memetik beberapa kajian yang dilakukan oleh pengkaji barat terhadap peribahasa. Kajian-kajian tersebut kebanyakannya berkisar kepada pendefinisian peribahasa sebagaimana yang dibuat oleh Alan Dundes. Selain itu, R.O Winstedt juga membuat perbandingan antara peribahasa Melayu dengan peribahasa asing.

Dalam kajian perbandingan ini, beliau menyatakan banyak peribahasa Melayu disadur daripada peribahasa asing. Contohnya, 'untung sabut timbul...', disadur daripada peribahasa Sanskrit iaitu 'untung labu air timbul , untung batu tenggelam'. Begitu juga dengan peribahasa 'menanti kucing bertanduk'. Sungguhpun begitu persamaan peribahasa itu adalah kebetulan sahaja kerana peribahasa terbit daripada masyarakat yang dipengaruhi oleh alam sekeliling (Othman Mamat, 1975 :76)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peribahasa juga dianggap sebagai kata-kata hikmah yang menggambarkan masyarakat Melayu itu sendiri. Oleh yang demikian, para orentalis barat yang menjajah Tanah Melayu telah berusaha mengkaji peribahasa Melayu untuk melihat pegangan hidup dan kebudayaan bangsa Melayu. Tujuannya adalah untuk melihat latar belakang bangsa Melayu agar mereka senang menyesuaikan diri dengan bangsa Melayu yang dijajah. Hal ini diakui sendiri oleh C.C. Brown (1959) dalam bukunya yang bertajuk *Malay Saying.*

Dalam buku ini, beliau menyatakan tujuan pengumpulan peribahasa adalah untuk kegunaan mereka mengeksploitasikan masyarakat Melayu. Ini kerana peribahasa Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan pancaran masyarakat Melayu dan dengan mengkajinya dapat mengetahui pegangan hidup dan kebudayaan masyarakat Melayu. Beliau juga menjelaskan bahawa peribahasa Melayu mempunyai dua pancaran utama, iaitu yang pertama merupakan gambaran watak dan gambaran cara hidup masyarakat Melayu.

Beliau memberi contoh ungkapan dunia katak di bawah tempurung, adalah berkaitan dengan sifat kekampungan dan tertutup masyarakat Melayu terhadap pemodenan. Manakala pancaran yang kedua pula merupakan peraturan-peraturan atau perintah-perintah yang dipegang dan dituruti oleh masyarakat Melayu, iaitu dengan mencipta ungkapan yang terdiri daripada beberapa patah perkataan sahaja tetapi mampu memberi maksud dan pengertian yang luas dan mendalam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan bantuan Sulaiman Muhammad Nur, W.G.Shellabear (1963), telah menyusun Kitab Kiliran Budi yang mengandungi pelbagai jenis peribahasa yang diambil daripada buku-buku lama dan pertuturan orang-orang Melayu. Peribahasa-peribahasa dalam kitab ini telah disusun dan dikategorikan mengikut fasal tertentu.

Pengkategorian peribahasa ini ke dalam 10 fasal utama dibuat dengan melihat kesamaan maksud sesuatu peribahasa Melayu sebagai projeksi masyarakat Melayu. Sepuluh fasal yang terkandung dalam kitab ini adalah berkaitan dengan:

i. dari hal kaum keluarga dan isi rumah,

ii. dari hal mencari kehidupan,

iii. dari hal tuah dan malang (nasib manusia),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. dari hal pemerintahan dan adat negeri,

v. dari hal pecampuran (kemasyarakatan),

vi. dari hal pengetahuan dan pembelajaran,

vii. dari hal persahabatan dan perkelahian (permusuhan),

viii. dari hal perangai dan perlakuan buruk manusia,

ix. dari hal kesusahan dan kesenangan hidup,

x. dari hal perbandingan perlakuan masyarakat dalam pelbagai situasi.

Walau bagaimanapun, kitab ini sekadar menyenaraikan peribahasa menurut fasal-fasal tertentu dan tiada kajian secara mendalam yang dijalankan untuk mengukuhkan pengkategorian peribahasa tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain pengkaji dari barat, ada juga pengkaji dari negara lain yang mengkaji peribahasa khususnya tentang makna dalam peribahasa. Beliau ialah Henry Guntur Tarigan (1985) seorang pengkaji bahasa dari Indonesia. Beliau telah menulis buku yang berjudul *Pengajian Semantik.* Dalam buku ini beliau menyatakan bahawa di dalam setiap peribahasa terkandung bukan sahaja makna kamus tetapi juga makna majasi, bukan hanya erti kata-kata sebenar tetapi juga erti kiasan yang merupakan garapan semantik dan juga pengajaran semantik. Beliau menjelaskan bahawa peribahasa dapat dibahagikan kepada beberapa jenis berdasarkan sudut pandangan yang berbeza, iaitu:

i. pepatah

ii. perumpamaan

iii. ungkapan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan perumpamaan itu, Tarigan menyimpulkan bahawa pepatah adalah peribahasa yang memberi nasihat dan ajaran. Beliau juga menegaskan bahawa perumpamaan ialah ibarat, tamsil dan perbandingan peribahasa. Perbezaan utama antara pepatah dengan perumpamaan itu dapat dilihat dengan jelas pada pemakaian secara eksplitasi kata-kata seperti*, sebagai, laksana, bak, ibarat, bagaikan*, *seumpama* dan *macam*.

Kajian-kajian oleh pengkaji luar ini membuktikan bahawa peribahasa Melayu adalah satu bentuk sastera yang unik dan menarik. Ini kerana peribahasa Melayu bukan sahaja menjadi alat kawalan sosial, penyampai hasrat hati serta pemberi perangsang dalam kehidupan, malah peribahasa juga dapat memancarkan satu gambaran tentang segala aspek kehidupan masyarakat Melayu pada masa lampau.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Kesimpulan

Berdasarkan kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji–pengkaji tempatan atau luar negara terhadap peribahasa, membuktikan peribahasa mampu dijadikan wadah untuk menasihat dan mendidik pelajar dan generasi muda pada era globalisasi ini. Justeru wajarlah penggunaan peribahasa ini disuburkan dalam masyarakat kini melalui saluran-saluran tertentu seperti sistem pendidikan, buku-buku, majalah-majalah tempatan, media elektronik, laman web dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Dalam kajian tentang tahap kebolehan pelajar dalam penguasaan peribahasa bagi pelajar tingkatan lima di dua buah sekolah daerah Raub, Pahang menggunakan beberapa kaedah dan prosedur. Justeru itu, dalam bab ini, pengkaji akan membicarakan aspek-aspek yang dikaji iaitu, reka bentuk penyelidikan, pemilihan sampel, tempat kajian, instrumen kajian, prosedur mendapatkan data, pemprosesan dan analisis data.

3.2 Reka Bentuk Kajian.

Penyelidikan yang dijalankan menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif kuantitatif. Majid Konting (1998), menyatakan penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Beberapa langkah perlu diikuti bagi melaksanakan penyelidikan deskriptif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pertama, ialah menyatakan masalah dengan tepat dan jelas di samping mengenal pasti objektif dan matlamat kajian. Kedua, menentukan populasi dan pemboleh ubah yang berkaitan dengan jelas dan tepat. Persampelan rawak ke atas populasi digunakan bagi mendapatkan sampel untuk mewakili populasi sasaran.

Ketiga, memilih atau membentuk alat bagi mengumpulkan maklumat. Alat kajian yang dibentuk sendiri akan dicuba bagi menentukan kesesuaian dan ketepatannya pada sekumpulan kecil subjek yang menyerupai populasi yang hendak dikaji. Penyelidik memastikan kesahan dan kebolehpercayaan alat kajian yang digunakan berpandukan kepada pengkaji-pengkaji terdahulu.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Keempat, mendapatkan nasihat dan bimbingan daripada pakar-pakar berkaitan seperti pensyarah bidang berkaitan, ketua bidang sekolah berkaitan, ketua panitia Bahasa Melayu dan pemeriksa subjek peringkat Sijil Penilaian Menengah (SPM). Reka bentuk kaedah pengumpulan dan analisis data adalah berdasarkan objektif dan soalan kajian untuk menguji hipotesis. Antara analisis yang digunakan ialah peratusan, jadual, ujian perbandingan min dan ujian korelasi. Langkah terakhir ialah melaporkan hasil dan dapatan kajian. Hasil penyelidikan perlu disebarkan untuk memberi kemudahan kepada kajian-kajian seterusnya.

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk mengukur pemboleh ubah-pemboleh ubah yang berkait dengan masalah kajian. Dalam penyelidikan pendidikan khususnya kajian deskriptif kuantitatif, kesukaran yang sering dialami ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan seluruh ahli populasi. Oleh itu tinjauan sampel adalah tinjauan yang dilakukan terhadap sebahagian populasi yang dikaji. Sampel rawak digunakan bagi mewakili populasi.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah kepustakaan yang melibatkan penggunaan kajian ilmiah yang berkaitan dengan buku-buku, majalah-majalah, jurnal dan meneliti kajian yang telah dilakukan oleh beberapa pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan bidang ini. Ketika menggunakan kaedah ini, pengkaji telah menggunakan beberapa buah perpustakaan utama di institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Antara perpustakaan utama yang digunakan untuk mencari bahan kepustakaan ini ialah Universiti Malaya, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Putra Malaysia. Rujukan yang meluas diperlukan bagi membolehkan kajian terperinci dapat dijalankan dalam segala aspek berkaitan dengan bidang ini dapat diperjelaskan dengan baik.

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pandangan, sikap dan tahap penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar tingkatan lima di dua buah sekolah daerah Raub, Pahang Darul Makmur. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti jumlah peribahasa yang terdapat dalam buku teks bahasa Melayu tingkatan lima dan melihat perkaitan antara penguasaan peribahasa dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah seperti jantina, bangsa, tempat tinggal, ibu bapa, guru dan sikap pelajar terhadap peribahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini ialah pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Kudin yang meliputi tiga kaum terbesar, iaitu Melayu, Cina dan India dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Dong yang hanya terdiri daripada kaum Melayu. Kajian ini menggunakan sampel rawak berlapis. Seramai 60 orang pelajar tingkatan lima di dua buah sekolah yang berlainan lokasi telah dipilih sebagai sampel, iaitu pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Kudin, Raub iaitu sebuah sekolah menengah kebangsaan yang terletak di bandar dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dong, Raub, iaitu sebuah sekolah menengah kebangsaan yang terletak di luar bandar. Setiap sekolah akan dipilih 30 sampel iaitu 15 lelaki dan 15 perempuan. Jumlah keseluruhan sampel ialah 60 orang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses pertama, memilih sampel ialah menentukan sekolah sehingga ke pemilihan kelas dan pelajar. Terdapat 11 buah sekolah di daerah Raub. Namun pengkaji hanya memilih dua buah sekolah iaitu sebuah sekolah yang terletak di luar bandar dan sebuah di bandar. Perincian pemilihan sekolah ialah seperti dalam Jadual 3.1 berikut:

Jadual 3.1

Pemilihan Kawasan Kajian Peringkat Sekolah

Proses Pertama	Pemilihan Sekolah
Bandar	1 buah sekolah
Luar bandar	1 buah sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses kedua yang dijalankan ialah menentukan setiap sebuah sekolah yang dipilih mempunyai kelas cemerlang, sederhana dan lemah. Ini bermakna dari setiap kelas pengkaji hanya memilih 10 orang pelajar seperti dinyatakan dalam jadual di muka surat sebelah:

Jadual 3.2

Pemilihan Pelajar Mengikut Kelas

Proses Kedua	Pemilihan Pelajar	Bilangan(%)
Kelas cemerlang	20	33.33%
Kelas sederhana	20	33.33%
Kelas lemah	20	33.33%
Jumlah	60	100%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek jantina sering dilihat hubungannya dengan pembolehubah. Dalam kajian ini aspek jantina tidak ditinggalkan untuk diteliti. Dapatan daripada analisis yang dijalankan dapat diketahui seramai 30 pelajar lelaki atau 50%, manakala pelajar perempuan juga seramai 30 orang atau 50%.

Jadual 3.3

Responden Pelajar Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus(%)
Lelaki	30	50.0%
Perempuan	30	50.0%
Jumlah	60	100%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya dari segi kaum. Pengkaji memilih tiga jenis kaum yang terdapat di sekolah yang dipilih. Kaum-kaum itu ialah Melayu, Cina dan India yang tedapat di sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Kudin dan hanya kaum Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan Dong.

Jadual 3.4

Responden Pelajar Mengikut Kaum

Kaum	Bilangan	Peratus(%)
Melayu	40	66.66%
Cina	10	16.67%
India	10	16.67%
Jumlah	60	100%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berpandukan jadual 3.3 di atas menunjukkan kaum Melayu melebihi kaum lain. Fenomena begini tidak boleh ditolak kerana ini menunjukkan komposisi sebenar taburan penduduk di negara ini yang majoritinya orang Melayu atau bumiputera. Ini bersesuaian dengan objektif pengkaji yang memilih untuk melihat tahap penguasaan peribahasa di kalangan pelajar sekolah yang kesemuanya terdiri daripada kaum Melayu dan dibandingkan dengan pelajar sekolah yang terdiri daripada pelbagai kaum.

3.4 Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di dua buah sekolah menengah dalam daerah Raub, Pahang yang mempunyai ciri-ciri persekitaran sekolah yang berbeza, iaitu:

1. Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Kudin, 27600 Raub.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Sekolah Menengah Kebangsaan Dong, 27400 Raub.

Pemilihan sekolah-sekolah ini berdasarkan beberapa faktor yang sesuai dengan objektif kajian untuk melihat tahap penguasaan peribahasa pelajar dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah.

3.5 Instrumen Kajian

Alat kajian yang digunakan terdiri daripada borang soal selidik dan soalan ujian tentang peribahasa. Bagi borang soal selidik responden hanya perlu menjawab soalan yang telah sedia ada. Pengkaji menggunakan bentuk ini kerana ia lebih senang dikendalikan kerana jawapan telah disediakan. Bentuk ini juga mengurangkan bias penghitung dan membolehkan jawapan responden dibandingkan. Manakala bagi soalan ujian, responden perlu menulis sendiri jawapan kerana soalan tingkatan lima berbentuk subjektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1 Soal Selidik Tertutup Atau Berstruktur

Satu set soal selidik diedarkan kepada pelajar untuk dijawab setelah pelajar selesai menjawab kesemua soalan ujian yang diberikan. Soal selidik tertutup ini mengandungi beberapa maklumat latar belakang responden. Ia terdiri daripada jantina, lelaki atau perempuan, ras, sama ada Melayu, Cina atau India, kelas sama ada dari kelas cerdik, sederhana dan lemah, lokasi tempat tinggal serta pandangan pelajar terhadap peribahasa. Pemboleh ubah-pemboleh ubah daripada soal selidik ini dijadikan bahan untuk kajian ini bagi melihat perbandingan pencapaian pelajar dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut. Para pelajar hanya perlu membaca dengan teliti sebelum menjawab dan menandakan X pada petak yang disediakan mengikut pendapat sendiri dengan memilih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

respons daripada skala likert iaitu 1 – "Sangat Tidak Setuju", 2 – "Tidak Setuju", 3 – "Kurang Setuju", 4 – "Setuju", dan 5 – "Sangat Setuju".

3.5.2 Soalan Ujian Peribahasa

Pengkaji akan menyediakan sebanyak 24 soalan kajian tentang peribahasa mengikut format Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Soalan itu berkait tentang simpulan bahasa, bidalan, pepatah, perbilangan dan perumpamaan yang telah dipelajari pelajar. Soalan-soalan yang disediakan adalah berbentuk subjektif dan mengikut tahap kesesuaian bagi pelajar tingkatan lima.

3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Pada peringkat permulaan, pengkaji mendapatkan buku teks bahasa Melayu tingkatan lima yang digunapakai di sekolah. Pengkaji melihat dan menyenaraikan jumlah dan jenis-jenis peribahasa yang terdapat di dalam buku teks. Pada peringkat kedua pengkaji telah pergi ke sekolah yang dipilih untuk membuat tinjauan tentang populasi pelajar tingkatan lima. Setelah mengenal pasti populasi pelajar, sampel dipilih secara rawak untuk mendapatkan sampel seramai 30 orang bagi setiap sekolah (30 x 2 sekolah = 60 sampel).

Pengumpulan data kajian ini dilakukan setelah pengkaji berbincang mendapatkan bantuan daripada guru kelas dan guru mata pelajaran bahasa Melayu. Pengkaji hanya memilih tiga puluh orang pelajar dari sekolah lain dan selebihnya pengkaji menggunakan pelajar dari sekolah pengkaji yang diajar oleh pengkaji sendiri. Pengkaji juga meminta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bantuan guru dari sekolah tersebut iaitu sekolah Menengah Dong Raub, Pahang untuk mengawal kelas sepanjang berlangsungnya ujian tersebut. Ujian tersebut telah dijalankan dalam masa empat puluh lima minit.

Sebelum sesi menjawab soalan dijalankan, responden akan dikumpulkan di bilik pengawas bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Dong, Raub dan di bilik mesyuarat bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Kudin, Raub Pahang dan diberi penerangan yang jelas mengenai prosedur berkaitan. Pengkaji juga menerangkan tujuan kajian dan memberi tentang soalan yang disediakan. Responden akan memulakan sesi tersebut dengan menjawab soalan soal selidik yang diberikan dan diikuti pula dengan dua puluh empat soalan subjektif peribahasa yang telah disediakan oleh pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah tempoh menjawab tamat, set soal selidik, kertas jawapan dan soalan ujian kajian dikumpul oleh pengkaji untuk tindakan selanjutnya. Pengkaji sendiri memeriksa kertas jawapan tersebut. Data-data dikumpul dan dianalisis. Proses akhir ialah membuat keputusan kajian.

3.7 Kaedah Penganalisisan Data

Data-data yang diperolehi daripada responden akan diproses dengan menggunakan perisian analisis '*Statistical Packages for the Sciencees'* (SPSS) 10.0. Mengikut Majid Konting (1998), penganalisisan data berstatistik menggunakan pengaturcaraan SPSS dapat menghasilkan pengiraan yang tepat. Markat latihan stuktur ditukar dalam bentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peratus bagi memudahkan analisis. Analisis dibuat untuk menilai pencapaian tahap penguasaan peribahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan lima.

Dalam kajian ini, data dianalisis berdasarkan tiga tahap iaitu, "tidak setuju", "kurang setuju" dan "setuju". Tahap ini dipermudahkan hasil daripada lima skala likert iaitu, 1 – "Sangat Tidak Setuju", 2 – "Tidak Setuju", 3 – "Kurang Setuju", 4 – "Setuju", dan 5 – "Sangat Setuju". Skala likert tersebut digabungkan menjadi tiga sahaja iaitu, 1 – "Sangat Tidak Setuju", 2 – "Tidak Setuju" menjadi "Tidak Setuju" manakala 4 - "Setuju" dan 5 -"Sangat Setuju" digabungkan menjadi "Setuju". Skala likert 3 – "Kurang Setuju" dikekalkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Data-data yang diperoleh dianalisis berpandukan objektif, soalan kajian dan hipotesis. Oleh itu, pemprosesan data melibatkan analisis berstatistik keperihalan, iaitu untuk melihat min skor, julat, sisihan piawai dan varians. Analisis berstatistik inferensi pula bagi ujian berstatistik *ujian –t* untuk perbandingan dua min dan analisis ANOVA bagi perbandingan lebih daripada dua min. Ujian korelasi pula dijalankan untuk melihat hubungan antara markah ujian penguasaan peribahasa dengan pemboleh ubah.

3.7.1 Ujian – t

Ujian – t ialah, teknik yang sesuai digunakan untuk melihat perbezaan dan perbandingan daripada data-data yang dikumpulkan. Dalam kajian ini pengkaji mahu mencari perbezaan penguasaan peribahasa antara sampel berdasarkan jantina, kaum, dan lokasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tempat tinggal. Oleh itu skor min akan dibandingkan mengikut faktor pembolehubah di atas.

3.7.2 Ujian ANOVA

Ujian ANOVA digunakan untuk melihat perbezaan penguasaan peribahasa melebihi dua kumpulan kaum iaitu Melayu, Cina dan India dengan satu pemboleh ubah. Pemboleh ubah yang ditentukan ialah markah ujian.

3.7.3 Ujian Korelasi

Ujian korelasi digunakan untuk melihat perkaitan atau hubungan antara markah ujian dengan minat dan sikap pelajar terhadap peribahasa. Menurut Mohd. Majid Konting (1990 :99) Kajian korelasi mengkaji perkaitan antara pembolehubah-pembolehubah yang wujud dalam sesuatu masalah. Kajian korelasi memberi penekanan kepada penentuan sejauh mana kaitan antara pembolehubah-pembolehubah. Ini membolehkan penyelidik menentukan variasi yang berlaku pada satu pembolehubah dan kaitannya dengan variasi yang berlaku pada pembolehubah lain.

Untuk menginterpretasikan kesignifikan hubungan antara pembolehubah yang terlibat sama ada korelasi tinggi atau rendah, nilai p dirujuk iaitu, wujud hubungan yang signifikan jika nilai $p < 0.05$. Jika sebaliknya, wujud hubungan yang tidak signifikan. Kesignifikan hubungan juga dilihat daripada tahap kekuatan dan kelemahan korelasi dengan merujuk kepada tahap hubungan yang dibentuk oleh Davis (1971) seperti dalam jadual 3.5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5

Indeks Perkaitan Pandangan dan Sikap dengan Pencapaian

Pekali Pearson 'r'	Tahap Hubungan
0.70 atau lebih	Sangat kuat
0.50 hingga 0.69	Kuat
0.30 hingga 0.49	Sederhana kuat
0.10 hingga 0.29	Rendah
0.01 hingga 0.09	Diabaikan

Sumber: Davis (1971)

3.8 Kebolehpercayaan dan Kesahan Soal Selidik

Kepercayaan *(reliability)* ialah satu aspek penting dalam memastikan alat kajian yang digunakan betul atau tepat untuk mengukur perkara yang mahu diukur. Neil J (2000) menyatakan kebolehpercayaan soal selidik juga berkait rapat dalam pengujian sesuatu perkara dengan menggunakan alat yang sama lebih daripada sekali dalam masa yang berlainan akan menghasilkan keputusan yang sama.

Bagi memastikan kebolehpercayaan alat yang digunakan, maka soal selidik yang digunakan oleh pengkaji telah ditunjukkan dan dibincangkan dengan pensyarah penyelia. Pensyarah penyelia mencadangkan supaya item soalan menjurus kepada format soalan tatabahasa peribahasa Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Maka 24 soalan telah dibina. Soalan simpulan bahasa 1 hingga 6 berbentuk soalan membina ayat, soalan pepatah 7 hingga 12 dan soalan bidalan 19 hingga 24 adalah soalan yang berbentuk mengisi tempat kosong dan soalan perumpamaan 13 hingga 18 adalah soalan yang berbentuk pemahaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya pengkaji telah membuat satu kajian rintis pada bulan Februari 2006 kepada 10 pelajar. Pemilihan pelajar rintis ini dilaksanakan di Sekolah Menengah Tengku Kudin, Raub. Bilangan pelajar dipilih secara rawak iaitu, 2 orang dari kelas cemerlang, 2 orang dari kelas sederhana dan 2 orang dari kelas lemah. Hasil jawapan pelajar telah dianalisis menggunakan perisian *'Statitical Packages for the Soccial Sciencees'* version 10.0. Berdasarkan hasil kajian rintis, soalan-soalan disusun dan diolah semula mengikut kebolehpercayaan yang diperolehi untuk digunakan dalam kajian sebenar ini.

3.9 Pengujian Hipotesis

Sulaiman Masri (2003), menyatakan hipotesis ialah pernyataan sementara tentang perkara-perkara yang ingin diterima atau ditolak oleh penyelidik. Hipotesis nul pula merupakan pernyataan tentang sesuatu perkara tetapi menolak pernyataan yang ditunjukkan oleh hipotesis penyelidikan. Enam belas hipotesis nul telah dibina berdasarkan hipotesis dalam bab satu:

Hipotesis Nul

3.9.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor pencapaian penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan jantina.

3.9.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor pencapaian penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan kaum.

3.9.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor pencapaian penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan tempat tinggal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9.4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan minat mempelajari peribahasa.

3.9.5 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan anggapan peribahasa seronok dipelajari.

3.9.6 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap suka membuat latihan.

3.9.7 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap suka menggunakan peribahasa.

3.9.8 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan anggapan peribahasa membantu menghasilkan karangan yang baik.

3.9.9 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan tumpuan yang diberi ketika guru mengajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9.10 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan guru mengajar jelas.

3.9.11 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan guru sering mengajar menggunakan peribahasa.

3.9.12 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap suka menyiapkan tugasan.

3.9.13 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan galakkan ibu bapa.

3.9.14 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap ibu bapa sering menggunakan peribahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9.15 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan anggapan ia mudah dikuasai.

3.9.16 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan keperluan memiliki buku peribahasa.

Hipotesis nul pertama dan hipotesis nul ketiga yang dikemukakan di atas akan diuji dengan *Ujian –t* dua sampel bebas. Ujian tersebut dilakukan untuk melihat perbezaan purata min pemboleh ubah yang terlibat iaitu jantina dan tempat tinggal. Alias Baba (1997), menyatakan ujian signifikan satu hala pada aras signifikan 0.05 juga dilakukan untuk mengesahkan jika berlaku purata min dua sampel bebas, maka perbezaan itu bukan secara kebetulan tetapi adalah disebabkan oleh faktor jantina dan begitulah sebaliknya. Hipotesis nul kedua diuji dengan ujian ANOVA bagi perbandingan lebih daripada dua min. Manakala hipotesis nul keempat hingga hipotesis nul enam belas di atas akan diuji dengan *Ujian korelasi.* Ujian tersebut dilakukan untuk melihat perkaitan antara skor ujian dengan sikap, minat dan pandangan pelajar terhadap peribahasa.

3.10 Kesimpulan

Metodologi kajian ini memandu pengkaji ke arah yang benar tentang hala tuju kajian ini. Dalam bab ini telah dijelaskan segala perkara penting yang disediakan dan dirancang sewaktu kajian dijalankan. Dalam bab ini juga telah dinyatakan dan dihuraikan secara terperinci instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji iaitu soal selidik dan soalan ujian yang telah digubal dan diperakukan oleh pensyarah penyelia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan hasil dapatan daripada kajian yang telah dijalankan mengenai pandangan, sikap dan penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar tingkatan lima. Soalan-soalan kajian yang telah dikemukakan dalam bab terdahulu akan dijawab berdasarkan hasil analisis data yang telah diperolehi.

4.2 Senarai Peribahasa dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5

Setelah dilakukan kajian terhadap buku teks bahasa Melayu tingkatan lima yang ditulis oleh Mohd. Dahlan Mohd. Ramli, Mohd. Samsuddin Mahmood dan Abd. Ghalib Yunus setebal 274 halaman yang diterbitkan pada tahun 2003, pengkaji mendapati pengarang telah memasukkan sebanyak 39 jumlah peribahasa. Peribahasa yang diperolehi telah dicatat oleh pengkaji sebagai hasil kajian. Hasil kajian itu disenaraikan mengikut unit.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1 Senarai Peribahasa dalam Buku Teks Tingkatan 5

Unit 1

1. di mana ada kemahuan di situ ada jalan
2. bagai aur dengan tebing
3. bersatu kita teguh, bercerai kita roboh
4. tanah air
5. senipis kulit bawang
6. cungkil bakat

Unit 2

7. orang berada
8. hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri
9. minta diri
10. ambil hati

Unit 3

11. bagaikan hamparan hijau
12. tanah air
13. indah khabar daripada rupa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Unit 4

14. jauh perjalanan luas pemandangan.
15. bulat air kerana pembentung, bulat kata kerana muafakat.
16. bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.
17. bukit sama didaki, lurah sama dituruni.
18. hati gajah sama dilapah, hati nyamuk sama dicecah.
19. seperti kacang lupakan kulit.
20. di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.
21. masuk ke kandang kambing mengembek, masuk ke kandang kerbau menguak.
22. ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua.

Unit 5

23. berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian,
    bersakit-sakit dahulu bersenang-senang kemudian.
24. kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya
25. peluang keemasan
26. yang bulat tidak datang bergolek,
    yang pipih tidak datang melayang.
27. sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

28. bak cendawan tumbuh selepas hujan
29. memerah otak
30. mencari jalan
31. bulat air kerana pembentung,
    bulat kata kerana muafakat.

Unit 6

32. yang kita kejar tak dapat,
    yang kita kendong pula berciciran

Unit 8

33. biar mati anak jangan mati adat

Unit 9

34. sediakan payung sebelum hujan

Unit 10

35. bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.
36. genggam bara api, biar sampai jadi arang.
37. yang bulat tidak datang bergolek,
    yang pipih tidak datang melayang.

Unit 11

38. batu penghalang

Unit 12

39. biar mati anak jangan mati adat.
40. untung anak lelaki cari-carikan,
    untung anak perempuan nanti-nantikan.

4.2.2 Analisis Penggunaan Peribahasa dalam Buku Teks

Dapatan kajian daripada buku teks ini dikumpul, dianalisis dan diklasifikasikan oleh pengkaji berdasarkan jenis peribahasa, iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah/perbilangan dan bidalan. Analisis ini dapat dilihat dalam jadual 4.1 di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Klasifikasi Penggunaan Peribahasa dalam Buku Teks Mengikut Jenis

Simpulan bahasa	Pepatah	Perumpamaan	Bidalan	Jumlah
10	14	5	10	39

Berdasarkan jadual 4.1 di atas, pengkaji telah menemui sejumlah 39 peribahasa yang dimuatkan dalam buku teks bahasa Melayu tingkatan 5. Daripada jumlah itu, didapati bahawa peribahasa jenis pepatah merupakan peribahasa yang paling banyak diajar kepada para pelajar, iaitu sebanyak 14 peribahasa. Hal ini demikian, mungkin kerana penggunaan kata pepatah yang sedikit tetapi mempunyai makna yang padat dan tepat. Selain itu, para pelajar juga mudah untuk memahami dan mengingati penggunaannya dalam kehidupan mereka.

Setelah mengenal pasti bilangan dan jenis-jenis peribahasa yang terdapat dalam buku teks tersebut barulah pengkaji akan menganalisis pandangan pelajar terhadap peribahasa berdasarkan jawapan pelajar dalam borang soal selidik yang telah diberi. Analisis ini dinyatakan dalam bentuk jadual.

4.3 Analisis Pandangan Pelajar Terhadap Peribahasa.

Analisis bagi pandangan pelajar terhadap peribahasa berdasarkan empat belas item soalan dalam soal selidik. Persepsi responden terhadap peribahasa dinyatakan sama ada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

setuju, kurang setuju dan tidak setuju dengan kenyataan (soalan) yang diberikan dan dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2

Pandangan Pelajar Terhadap Peribahasa

Item Soalan	Setuju	Kurang Setuju	Tidak Setuju
1. Saya suka mempelajari peribahasa.	44= 73.6%	12= 20.0%	4= 6.7%
2. Saya rasa seronok mempelajari peribahasa.	40= 66.7%	13= 21.7%	7= 11.7%
3. Saya suka membuat latihan peribahasa yang diberi oleh guru.	40= 66.7%	13= 21.7%	7= 11.7%
4. Saya suka menggunakan peribahasa ketika berbual.	12= 20.0%	27= 45.0%	21= 35.0%
5. Peribahasa membantu saya menghasilkan karangan yang lebih baik.	50= 83.3%	7= 11.7%	3= 5.0%
6. Saya memberi tumpuan ketika guru mengajar.	55= 91.7%	4= 6.7%	1= 1.7%
7. Guru mengajar peribahasa dengan jelas.	55= 91.7%	4= 6.7%	1= 1.7%
8. Guru sering mengajar menggunakan peribahasa.	38= 63.3%	18= 30.0%	4= 6.7%
9. Sekiranya guru memberi tugasan peribahasa saya akan menyiapkan tugasan-tugasan yang diberi.	50= 83.3%	10= 16.7%	0=0%
10. Ibu bapa menggalakkan saya mempelajari peribahasa.	41= 68.3%	15= 25.0%	4= 6.7%
11. Ibu bapa saya juga sering menggunakan peribahasa.	16= 26.7%	27= 45.0%	17= 28.3%
12. Peribahasa mudah untuk dikuasai.	39= 65.0%	12= 20.0%	9= 15.0%
13. Pelajar perlu memiliki buku peribahasa sendiri.	49= 81.7%	8= 13.3%	3= 5.0%
14. Saya berpendapat peribahasa wajar dikuasai oleh pelajar seperti saya.	50= 83.3%	5= 8.3%	5= 8.3%

Jadual 4.2 menunjukkan, bagi kenyataan saya suka mempelajari peribahasa 44 orang (73.6%) setuju, 12 orang (20.0%) kurang setuju dan hanya 4 orang (6.7%) tidak setuju. Bagi kenyataan saya rasa seronok mempelajari peribahasa 40 orang (66.7%) setuju, 13 orang (21.7%) kurang setuju dan 7 orang (11.7%) tidak setuju. Seterusnya, bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kenyataan saya suka membuat latihan peribahasa yang diberi oleh guru 40 orang (66.7%) setuju, 13 orang (21.7%) kurang setuju dan 7 orang (11.7%) tidak setuju. 12 orang (20.0%) setuju, 27 orang (45.0%) kurang setuju dan 21 orang (35.0%) tidak setuju bagi kenyataan saya suka menggunakan peribahasa ketika berbual.

Seterusnya, bagi kenyataan peribahasa membantu saya menghasilkan karangan yang lebih baik 50 orang (83.3%) setuju, 7 orang (11.7%) kurang setuju dan hanya 3 orang (5.0%) tidak setuju. Bagi kenyataan saya memberi tumpuan ketika guru mengajar dan kenyataan guru mengajar peribahasa dengan jelas hasil dapatannya adalah sama iaitu 55 orang (91.7%) setuju, 4 orang (6.7%) kurang setuju dan hanya seorang (1.7%) sahaja tidak setuju. Seterusnya 38 orang (63.3%) setuju, 18 orang (30.0%) kurang setuju dan 4 orang (6.7%) tidak setuju dengan kenyataan guru sering mengajar menggunakan peribahasa.

Bagi kenyataan sekiranya guru memberi tugasan peribahasa saya akan menyiapkan tugasan-tugasan yang diberi 50 orang (83.3%) setuju, 10 orang (16.7%) kurang setuju dan tiada pelajar (0.0%) yang tidak setuju. Seterusnya bagi kenyataan ibu bapa menggalakkan saya mempelajari peribahasa 41 orang (68.3%) setuju, 15 orang (25.0%) kurang setuju dan 4 orang (6.7%) tidak setuju. Hanya 16 orang (26.7%) setuju, 27 orang (45.0%) kurang setuju dan 17 orang (28.3%) tidak setuju bagi kenyataan ibu bapa saya juga sering menggunakan peribahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya bagi kenyataan peribahasa mudah untuk dikuasai 39 orang (65.0%) setuju, 12 orang (20.0%) kurang setuju dan 9 orang (15.0%) tidak setuju. Bagi kenyataan pelajar perlu memiliki sebuah buku peribahasa sendiri 49 orang (81.7%) setuju, 8 orang (13.3%) kurang setuju dan hanya 3 orang (5.0%) tidak setuju. Akhir sekali 50 orang (83.3%) setuju, 5 orang (8.3%) kurang setuju juga 5 orang (8.3%) tidak setuju dengan kenyataan saya berpendapat peribahasa wajar dikuasai oleh pelajar seperti saya.

Dapatan kajian menunjukkan ramai pelajar setuju mereka suka dan seronok mempelajari peribahasa, membuat latihan, berpendapat peribahasa membantu menghasilkan karangan yang lebih baik, memberi tumpuan ketika guru mengajar dan guru mengajar jelas. Selain itu ramai pelajar juga setuju menyiapkan tugasan, ibu bapa menggalakkan mereka belajar, peribahasa mudah dikuasai, perlu memiliki buku dan peribahasa wajar dikuasai. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan ramai pelajar kurang setuju mereka suka menggunakan peribahasa ketika berbual. Setelah menganalisis pandangan pelajar terhadap peribahasa barulah pengkaji menganalisis tahap penguasaan peribahasa pelajar berdasarkan jawapan dalam soalan ujian yang telah diberikan. Analisis ini dinyatakan dalam bentuk jadual.

4.4 Analisis Tahap Penguasaan Peribahasa Pelajar

Analisis bagi tahap penguasaan peribahasa pelajar adalah berdasarkan dua puluh empat item soalan yang terdapat dalam ujian dan dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

Tahap Penguasaan dan Taburan Gred Pelajar Dalam Ujian Peribahasa

Gred	Bilangan	Peratus(%)
A (80-100)	28	46.66

Jadual 4.3 (Sambungan)

Gred	Bilangan	Peratus(%)
B (60-79)	6	10.00
C (50-59)	5	8.34
D (40-49)	3	5.00
E (0-39)	18	30.00
Jumlah	60	100.00

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada 60 jumlah sample yang digunakan 28 (46.66%) orang pelajar berjaya mendapat gred A. Seramai 6 (10.00%) orang pelajar pelajar mendapat gred B dan 5 (8.34%) pelajar mendapat gred C. Manakala seramai 3 (5.00%) mendapat gred D dan bilangan pelajar yang mendapat gred E ialah seramai 18 (30.00%). Hasil daripada dapatan ini didapati tahap penguasaan peribahasa pelajar secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana. Setelah menganalisis tahap penguasaan peribahasa pelajar barulah pengkaji menghuraikan dan menjawab semua hipotesis nul yang telah dibentuk. Bagi tujuan tersebut pengkaji menggunakan ujian –t, ujian Anova dan ujian korelasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 Hipotesis Nul 1

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan jantina.

Bagi melihat perbezaan yang signifikan penguasaan peribahasa antara lelaki dan perempuan maka ujian –t telah dilakukan. Jumlah sampel lelaki ialah 30 orang dan min pencapaian bagi lelaki ialah 60.8667. Jumlah sampel perempuan juga 30 orang manakala min pencapaian bagi sampel perempuan ialah 61.9667. Berdasarkan purata antara min lelaki dan perempuan jelas menunjukkan perbezaan min sebanyak -1.1000. Begitu juga dengan ujian signifikan dua hala iaitu 0.903 bagi varians yang dianggarkan dan 0.903 bagi varians yang tidak dianggarkan (lebih besar daripada arah signifikan 0.05 = p > 0.05). Maka pengkaji menerima hipotesis nul pertama yang menyatakan "Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan jantina". Jadual 4.4 menunjukkan analisis perbandingan min tersebut.

Jadual 4.4

Ujian –t Penguasaan Peribahasa Beradasarkan Jantina

Jantina	Jumlah	Min	Sisihan Piawai	Perbezaan Min	Signifikan (2 hala)
Lelaki	30	60.8667	32.4055		
				-1.1000	.903/.903
Perempuan	30	61.9667	36.7663		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 Hipotesis Nul 2

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan kaum.

Kajian seterusnya ialah untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan kaum. Ia melibatkan kumpulan pelajar Melayu, Cina dan India. Bilangan sampel ialah 60 orang iaitu 40 orang Melayu, 10 orang Cina dan 10 orang India. Analisis ANOVA dalam jadual 4.5 di bawah digunakan untuk melihat perbezaan tersebut. Berdasarkan jadual di bawah, min bagi pelajar Melayu ialah 79.85 (SP = 23.09), pelajar Cina 16.70 (SP = 21.58) dan pelajar India 32.40 (SP = 17.24).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Analisis ANOVA Penguasaan Peribahasa Berdasarkan Kaum

Kaum	Jumlah	Min	Sisihan Piawai	Min Sisihan Piawai
Melayu	40	79.85	23.09	3.65
Cina	10	16.70	21.58	6.82
India	10	32.40	17.24	5.45

Punca	Hasil Tambah Kuasa Dua	Perbezaan	Min Kuasa Dua	Kekerapan	Sig.
Antara Kumpulan	42006.983	2	21003.492	43.274	.000
	27665.600	57	485.361		

Analisis varians menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa bagi ketiga-tiga kaum iaitu F (2,57) = 43.274, p .000 < 0.05. Oleh itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji menolak hipotesis nul ketiga yang menyatakan "Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan kaum".

4.7 Hipotesis Nul 3

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan tempat tinggal.

Untuk melihat perbezaan penguasaan peribahasa mengikut lokasi tempat tinggal maka ujian-t dua sampel bebas dilakukan. Jumlah sampel yang tinggal di bandar dan luar bandar adalah sama iaitu 30 orang pelajar. Min penguasaan peribahasa sampel bandar ialah 46.70 dan 76.13 min sampel yang tinggal di luar bandar. Perbezaan min keduanya ialah 29.43. Berdasarkan ujian-t yang dijalankan jelas memperlihatkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa pelajar yang dikaji berdasarkan tempat tinggal. Ujian signifikan dua hala yang diperoleh ialah 0.001 bagi varians yang dianggarkan (lebih kecil daripada aras signifikan 0.05 = $p < 0.05$). Oleh itu pengkaji menolak hipotesis nul ketiga yang menyatakan bahawa "Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan tempat tinggal". Keputusan ujian dapat dilihat pada jadual 4.6 seperti di bawah ini:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Ujian-t Penguasaan Peribahasa Berdasarkan Tempat Tinggal

Lokasi	Jumlah	Min	Sisihan Piawai	Perbezaan Min	Signifikan (2 hala)
Bandar	30	46.70	36.27	-29.43	.001/.001
Luar Bandar	30	76.13	25.27		

4.8 Hipotesis Nul 4

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap suka mempelajari peribahasa.

Analisis hubungan markah pelajar dengan sikap suka mempelajari peribahasa berdasarkan soalan satu dalam soal selidik. Persepsi responden terhadap peribahasa yang berkaitan dengan sikap suka belajar peribahasa dinyatakan sama ada setuju, kurang setuju atau tidak setuju dengan kenyataan (soalan) yang diberikan dan dapatan kajian berhubung sikap ini dianalisis menggunakan ujian korelasi yang hasil dapatannya dipaparkan dalam Jadual 4.7.

Jadual 4.7

Hubungan Markah Pelajar dengan Sikap Suka Mempelajari Peribahasa.

Saya suka mempelajari peribahasa	Markah Pelajar ----------
	Nilai (r) - .341 Nilai (p) + .008

Berdasarkan jadual 4.7 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sikap suka mempelajari peribahasa dengan markah pelajar di mana nilai $p < 0.05$. Hasil ujian korelasi menunjukkan nilai $p = .008$. Oleh sebab itu Hipotesis Nul yang menyatakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap suka mempelajari peribahasa" ditolak.

4.9 Hipotesis Nul 5

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap seronok mempelajari peribahasa.

Analisis hubungan markah pelajar dengan sikap seronok mempelajari peribahasa adalah berdasarkan soalan 2 dalam soal selidik. Persepsi responden terhadap peribahasa dinyatakan sama ada setuju, kurang setuju atau tidak setuju dengan kenyataan (soalan) yang diberikan dan dapatan kajian berhubung pandangan ini dianalisis menggunakan ujian korelasi yang hasil dapatannya dipaparkan dalam jadual 4.8 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8

Hubungan Markah Pelajar dengan Sikap Seronok Mempelajari Beribahasa

Saya rasa seronok mempelajari peribahasa.	Markah Pelajar --- Nilai (r) - .103 Nilai (p) + .435

Berdasarkan jadual 4.8 menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar dengan sikap seronok mempelajari peribahasa di mana nilai $p > 0.05$. Hasil ujian korelasi menunjukkan nilai $p = +.435$. Oleh sebab itu Hipotesis Nul "Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap seronok mempelajari peribahasa" diterima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.10 Hipotesis Nul 6

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap suka membuat latihan peribahasa.

Analisis hubungan markah pelajar dengan sikap suka membuat latihan peribahasa berdasarkan soalan tiga dalam soal selidik. Persepsi responden terhadap peribahasa yang berkaitan dengan sikap suka membuat latihan peribahasa dinyatakan sama ada setuju, kurang setuju atau tidak setuju dengan kenyataan (soalan) yang diberikan dan dapatan kajian berhubung sikap ini dianalisis menggunakan ujian korelasi yang hasil dapatannya dipaparkan dalam Jadual 4.9.

Jadual 4.9

Hubungan Markah Pelajar dengan Sikap Suka Membuat Latihan

Saya suka membuat latihan peribahasa yang diberi oleh guru.	Markah Pelajar --- Nilai (r) + .047 Nilai (p) + .722

Berdasarkan jadual 4.9 menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar dengan sikap suka membuat latihan peribahasa di mana nilai $p > 0.05$. Hasil ujian korelasi menunjukkan nilai $p = +.722$. Oleh sebab itu Hipotesis Nul "Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap suka membuat latihan peribahasa" diterima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.11 Hipotesis Nul 7

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap suka menggunakan peribahasa ketika berbual.

Analisis hubungan markah pelajar dengan sikap suka menggunakan peribahasa ketika berbual berdasarkan soalan empat dalam soal selidik. Persepsi responden terhadap peribahasa yang berkaitan dengan sikap suka menggunakan peribahasa dinyatakan sama ada setuju, kurang setuju atau tidak setuju dengan kenyataan (soalan) yang diberikan dan dapatan kajian berhubung sikap ini dianalisis menggunakan ujian korelasi yang hasil dapatannya dipaparkan dalam Jadual 4.10.

Jadual 4.10

Hubungan Markah Pelajar dengan Sikap Suka Menggunakan Peribahasa

Saya suka menggunakan peribahasa ketika berbual.	Markah Pelajar --- Nilai (r) + .390 Nilai (p) + .002

Berdasarkan jadual 4.10 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar dengan sikap suka menggunakan peribahasa ketika berbual di mana nilai $p < 0.05$. Hasil ujian korelasi menunjukkan nilai $p = +.002$. Oleh sebab itu Hipotesis Nul "Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap suka menggunakan peribahasa ketika berbual" ditolak.

4.12 Hipotesis Nul 8

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan anggapan peribahasa membantu menghasilkan karangan yang lebih baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis hubungan markah pelajar dengan anggapan peribahasa membantu menghasilkan karangan yang lebih baik berdasarkan soalan lima dalam soal selidik. Persepsi responden terhadap peribahasa yang berkaitan dengan anggapan peribahasa membantu menghasilkan karangan yang lebih baik dinyatakan sama ada setuju, kurang setuju atau tidak setuju dengan kenyataan (soalan) yang diberikan dan dapatan kajian berhubung sikap ini dianalisis menggunakan ujian korelasi yang hasil dapatannya dipaparkan dalam Jadual 4.11.

Jadual 4.11

Hubungan Markah Pelajar dengan Anggapan Peribahasa Membantu Menghasilkan Karangan Yang Lebih Baik

Peribahasa membantu menghasilkan karangan yang lebih baik.	Markah Pelajar
	Nilai (r) - .172 Nilai (p) + .189

Berdasarkan jadual 4.11 menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar dengan anggapan peribahasa membantu menghasilkan karangan yang lebih baik di mana nilai $p > 0.05$. Hasil ujian korelasi menunjukkan nilai $p = +.189$. Oleh sebab itu Hipotesis Nul "Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap suka menggunakan peribahasa ketika berbual" diterima.

4.13 Hipotesis Nul 9

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap memberi tumpuan ketika guru mengajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis hubungan markah pelajar dengan sikap memberi tumpuan ketika guru mengajar adalah berdasarkan soalan enam dalam soal selidik. Persepsi responden terhadap peribahasa yang berkaitan dengan sikap memberi tumpuan ketika guru mengajar dinyatakan sama ada setuju, kurang setuju atau tidak setuju dengan kenyataan (soalan) yang diberikan dan dapatan kajian berhubung sikap ini dianalisis menggunakan ujian korelasi yang hasil dapatannya dipaparkan dalam Jadual 4.12.

Jadual 4.12

Hubungan Markah Pelajar dengan Sikap Memberi Tumpuan Ketika Guru Mengajar

Saya memberi tumpuan ketika guru mengajar.	Markah Pelajar --- Nilai (r) - .040 Nilai (p) + .762

Berdasarkan jadual 4.12 menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar dengan sikap memberi tumpuan ketika guru mengajar di mana nilai p > 0.05. Hasil ujian korelasi menunjukkan nilai p = +.762. Oleh sebab itu Hipotesis Nul "Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap memberi tumpuan ketika guru mengajar" diterima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.14 Hipotesis Nul 10

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan guru mengajar jelas.

Analisis hubungan markah pelajar dengan guru mengajar peribahasa dengan jelas adalah berdasarkan soalan tujuh dalam soal selidik. Persepsi responden terhadap peribahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang berkaitan dengan guru mengajar peribahasa dengan jelas dinyatakan sama ada setuju, kurang setuju atau tidak setuju dengan kenyataan (soalan) yang diberikan dan dapatan kajian berhubung sikap ini dianalisis menggunakan ujian korelasi yang hasil dapatannya dipaparkan dalam Jadual 4.13.

Jadual 4.13

Hubungan Markah Pelajar dengan Guru Mengajar Jelas

Guru mengajar peribahasa dengan jelas.	Markah Pelajar ----------
	Nilai (r) - .076 Nilai (p) + .563

Berdasarkan jadual 4.13 menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar dengan guru mengajar peribahasa dengan jelas di mana nilai $p > 0.05$. Hasil ujian korelasi menunjukkan nilai $p = +.563$. Oleh sebab itu Hipotesis Nul "Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan guru mengajar jelas" diterima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.15 Hipotesis Nul 11

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan guru sering mengajar menggunakan peribahasa.

Analisis hubungan markah pelajar dengan guru sering menggunakan peribahasa adalah berdasarkan soalan lapan dalam soal selidik. Persepsi responden terhadap peribahasa yang berkaitan dengan guru sering menggunakan peribahasa dinyatakan sama ada setuju, kurang setuju atau tidak setuju dengan kenyataan (soalan) yang diberikan dan dapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian berhubung sikap ini dianalisis menggunakan ujian korelasi yang hasil dapatannya dipaparkan dalam Jadual 4.14.

Jadual 4.14

Hubungan Markah Pelajar dengan Guru Sering Menggunakan Peribahasa

Guru sering mengajar menggunakan peribahasa.	Markah Pelajar ---------- Nilai (r) - .058 Nilai (p) + .657

Berdasarkan jadual 4.14 menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar dengan guru sering menggunakan peribahasa di mana nilai $p > 0.05$. Hasil ujian korelasi menunjukkan nilai $p = +.657$. Oleh sebab itu Hipotesis Nul "Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan guru sering mengajar mengunakan peribahasa" diterima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.16 Hipotesis Nul 12

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap menyiapkan tugasan.

Analisis hubungan markah pelajar dengan sikap menyiapkan tugasan adalah berdasarkan soalan sembilan dalam soal selidik. Persepsi responden terhadap peribahasa yang berkaitan dengan sikap menyiapkan tugasan dinyatakan sama ada setuju, kurang setuju atau tidak setuju dengan kenyataan (soalan) yang diberikan dan dapatan kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berhubung sikap ini dianalisis menggunakan ujian korelasi yang hasil dapatannya dipaparkan dalam Jadual 4.15.

Jadual 4.15

Hubungan Markah Pelajar dengan Sikap Menyiapkan Tugasan

Saya akan menyiapkan tugasan peribahasa yang diberi.	Markah Pelajar --- Nilai (r) - .321 Nilai (p) + .011

Berdasarkan jadual 4.15 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar dengan sikap menyiapkan tugasan di mana nilai $p < 0.05$. Hasil ujian korelasi menunjukkan nilai $p = +.011$. Oleh sebab itu Hipotesis Nul "Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan guru mengajar jelas" ditolak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.17 Hipotesis Nul 13

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan galakkan ibu bapa.

Analisis hubungan markah pelajar dengan galakkan ibu bapa adalah berdasarkan soalan sepuluh dalam soal selidik. Persepsi responden terhadap peribahasa yang berkaitan dengan galakkan ibu bapa dinyatakan sama ada setuju, kurang setuju atau tidak setuju dengan kenyataan (soalan) yang diberikan dan dapatan kajian berhubung sikap ini dianalisis menggunakan ujian korelasi yang hasil dapatannya dipaparkan dalam Jadual 4.16.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16

Hubungan Markah Pelajar dengan Galakkan Ibu Bapa

Ibu bapa menggalakkan saya mempelajari peribahasa.	Markah Pelajar ---------- Nilai (r) - .057 Nilai (p) + .667

Berdasarkan jadual 4.16 menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar dengan galakkan ibu bapa di mana nilai p > 0.05. Hasil ujian korelasi menunjukkan nilai p = +.667. Oleh sebab itu Hipotesis Nul "Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan galakkan ibu bapa" diterima.

4. 18 Hipotesis Nul 14

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan ibu bapa sering guna peribahasa.

Analisis hubungan markah pelajar dengan ibu bapa sering guna peribahasa adalah berdasarkan soalan sebelas dalam soal selidik. Persepsi responden terhadap peribahasa yang berkaitan dengan ibu bapa sering guna peribahasa dinyatakan sama ada setuju, kurang setuju atau tidak setuju dengan kenyataan (soalan) yang diberikan dan dapatan kajian berhubung sikap ini dianalisis menggunakan ujian korelasi yang hasil dapatannya dipaparkan dalam Jadual 4.17.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17

Hubungan Markah Pelajar dengan Ibu Bapa Sering Guna

Ibu bapa saya juga sering menggunakan peribahasa.	Markah Pelajar --- Nilai (r) + .328 Nilai (p) + .010

Berdasarkan jadual 4.17 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar dengan ibu bapa sering menggunakan peribahasa di mana nilai $p < 0.05$. Hasil ujian korelasi menunjukkan nilai $p = +.010$. Oleh sebab itu Hipotesis Nul "Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan ibu bapa sering guna peribahasa" ditolak

4.19 Hipotesis Nul 15

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan anggapan peribahasa mudah dikuasai.

Analisis hubungan markah pelajar dengan anggapan peribahasa mudah dikuasai adalah berdasarkan soalan dua belas dalam soal selidik. Persepsi responden terhadap peribahasa yang berkaitan dengan anggapan peribahasa mudah dikuasai dinyatakan sama ada setuju, kurang setuju atau tidak setuju dengan kenyataan (soalan) yang diberikan dan dapatan kajian berhubung anggapan ini dianalisis menggunakan ujian korelasi yang hasil dapatannya dipaparkan dalam Jadual 4.18.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.18

Hubungan Markah Pelajar dengan Anggapan Mudah Dikuasai

Peribahasa mudah Untuk dikuasai	Markah Pelajar
	Nilai (r) + .137 Nilai (p) + .298

Berdasarkan jadual 4.18 menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar dengan anggapan peribahasa mudah dikuasai di mana nilai $p > 0.05$. Hasil ujian korelasi menunjukkan nilai $p = +.298$. Oleh sebab itu Hipotesis Nul "Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan ibu bapa sering guna peribahasa" diterima.

4.20 Hipotesis Nul 16

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan pendapat pelajar perlu memiliki buku peribahasa.

Analisis hubungan markah pelajar dengan pendapat pelajar perlu memiliki buku adalah berdasarkan soalan 13 dalam soal selidik. Persepsi responden terhadap peribahasa yang berkaitan dengan pendapat pelajar perlu memiliki buku peribahasa dinyatakan sama ada setuju, kurang setuju atau tidak setuju dengan kenyataan (soalan) yang diberikan dan dapatan kajian berhubung anggapan ini dianalisis menggunakan ujian korelasi yang hasil dapatannya dipaparkan dalam Jadual 4.19.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.19

Hubungan Markah Pelajar dengan Anggapan Pelajar Memiliki Buku

Pelajar perlu memiliki sebuah buku peribahasa.	Markah Pelajar ----------
	Nilai (r) - .260 Nilai (p) + .045

Berdasarkan jadual 4.19 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar dengan pendapat pelajar perlu memiliki buku peribahasa di mana nilai $p < 0.05$. Hasil ujian korelasi menunjukkan nilai $p = +.045$. Oleh sebab itu Hipotesis Nul "Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan ibu bapa sering guna peribahasa" ditolak.

4.21 Kesimpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis kajian yang telah dihuraikan, maka dapatlah pengkaji membuat satu kesimpulan bahawa terdapat sebanyak 39 bilangan peribahasa yang dimuatkan dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan Lima. Peribahasa-peribahasa itu terbahagi kepada empat jenis iaitu, simpulan bahasa, pepatah, perumpamaan dan bidalan. Daripada 39 jumlah bilangan peribahasa itu, didapati bahawa peribahasa jenis pepatah merupakan peribahasa yang paling banyak diajar kepada pelajar iaitu, sebanyak 14 peribahasa.

Berdasarkan dapatan analisis pandangan pelajar terhadap peribahasa Melayu pula paling ramai responden setuju dengan kenyataan mereka memberi tumpuan ketika guru mengajar peribahasa dengan jelas iaitu, seramai 55 orang (91.7%). Manakala tiada pelajar (0 %) yang tidak setuju dengan kenyataan sekiranya guru memberi tugasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peribahasa saya akan menyiapkan tugasan yang diberi. Manakala hasil daripada analisis tahap penguasaan peribahasa pelajar mendapati tahap penguasaan peribahasa secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana iaitu seramai 28 orang (46.66%) mendapat gred A.

Manakala dapatan kajian analisis tahap penguasaan peribahasa menunjukkan daripada 60 jumlah sampel yang digunakan 28 (46.66%) orang pelajar berjaya mendapat gred A. Seramai 6 (10.00%) orang pelajar pelajar mendapat gred B dan 5 (8.34%) pelajar mendapat gred C. Manakala seramai 3 (5.00%) mendapat gred D dan bilangan pelajar yang mendapat gred E ialah seramai 18 (30.00%). Hasil daripada dapatan ini didapati tahap penguasaan peribahasa pelajar secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, hasil kajian analisis ujian –t berhubung hipotesis nul yang dibentuk mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan jantina. Hasil ujian korelasi pula menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar yang dikaji dengan minat seronok mempelajari peribahasa, suka membuat latihan, anggapan peribahasa membantu menghasilkan karangan yang lebih baik dan sikap memberi tumpuan ketika guru mengajar. Begitu juga dengan faktor guru mengajar jelas, guru sering menggunakan peribahasa, galakkan ibu bapa dan pandangan peribahasa mudah dikuasai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan kaum, lokasi tempat tinggal, minat mempelajari peribahasa, menggunakan peribahasa ketika berbual, ibu bapa sering menggunakan peribahasa, pendapat pelajar perlu memiliki buku peribahasa dan sikap suka menyiapkan tugasan. Sebanyak enam belas hipotesis nul dibina dan selepas kajian serta analisis dibuat maka sebanyak tujuh hipotesis telah ditolak dan sembilan diterima.

Hipotesis ditolak ialah:

4.20.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa pelajar berdasarkan kaum.

4.20.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa pelajar berdasarkan tempat tinggal.

4.20.3 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan minat mempelajari peribahasa.

4.20.4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap suka menggunakan peribahasa ketika berbual.

4.20.5 Tidak terdapat hubungan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap ibu bapa sering menggunakan peribahasa.

4.20.6 Tidak terdapat hubungan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa pelajar dengan pendapat pelajar perlu memiliki buku peribahasa.

4.20.7 Tidak terdapat hubungan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap suka menyiapkan tugasan peribahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hipotesis diterima ialah:

4.20.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa pelajar berdasarkan jantina.

4.20.2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan anggapan ia seronok dipelajari.

4.20.3 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap suka membuat latihan.

4.20.4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan anggapan peribahasa membantu menghasilkan karangan yang baik.

4.20.5 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan sikap memberi tumpuan ketika guru mengajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.20.6 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan guru mengajar jelas.

4.20.7 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan guru sering mengajar menggunakan peribahasa.

4.20.8 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan galakkan ibu bapa.

4.20.9 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan anggapan peribahasa mudah dikuasai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini memberikan perbincangan dan cadangan kajian ini meliputi tafsiran analisis dapatan tentang bilangan dan jenis peribahasa yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5, pandangan pelajar terhadap peribahasa dan kaitan pencapaian pelajar dengan pemboleh ubah jantina, kaum, lokasi tempat tinggal, pandangan, sikap dan minat pelajar terhadap peribahasa. Perbincangan dibahagikan kepada ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, cadangan kajian lanjutan dan kesimpulan.

5.2 Ringkasan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti jumlah peribahasa yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 dan melihat pandangan pelajar tingkatan lima terhadap peribahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga bertujuan melihat hubungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

antara skor pencapaian dalam ujian peribahasa dengan faktor pemboleh ubah seperti jantina, kaum, tempat tinggal, pandangan, sikap dan minat pelajar terhadap peribahasa.

Responden kajian terdiri daripada 60 orang pelajar lelaki dan perempuan tingkatan 5 di dua buah sekolah iaitu, Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Kudin dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dong yang terletak di daerah Raub, Pahang. Responden terdiri daripada tiga kaum utama di Malaysia iaitu, Melayu, Cina dan India. Dari segi lokasi tempat tinggal, 30 orang pelajar tinggal di bandar manakala 30 orang pelajar lagi tinggal di luar bandar.

Alat kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah borang soal selidik dan soalan kajian peribahasa. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan ujian *"Statistical Packages for Sosial Science" (SPSS)*. Kiraan frekuensi digunakan untuk menggambarkan kekerapan respon yang diterima dan peratusannya. Dapatan kajian seterusnya dipaparkan dalam bentuk jadual.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian yang meliputi bilangan dan jenis peribahasa yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5, pandangan pelajar terhadap peribahasa dan kaitan pencapaian pelajar dengan pemboleh ubah jantina, kaum, lokasi tempat tinggal, pandangan, sikap dan minat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1.Perbincangan Bilangan Peribahasa Yang Terdapat Dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5.

Perbincangan bagi bilangan peribahasa yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 adalah berdasarkan analisis buku teks. Terdapat sebanyak 39 bilangan peribahasa yang dimuatkan dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan Lima. Peribahasa-peribahasa itu terbahagi kepada empat jenis iaitu, simpulan bahasa, pepatah, perumpamaan dan bidalan. Daripada 39 jumlah bilangan peribahasa itu, didapati peribahasa jenis pepatah merupakan peribahasa yang paling banyak diajar kepada pelajar, iaitu sebanyak 14 peribahasa. Hal ini demikian, mungkin kerana para pelajar lebih mudah untuk memahami dan mengingati penggunaannya dalam kehidupan berbanding jenis peribahasa lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Perbincangan Pandangan Pelajar Terhadap Peribahasa.

Perbincangan bagi pandangan pelajar terhadap peribahasa adalah berdasarkan 14 item soalan dalam soal selidik. Persepsi responden dinyatakan sama ada setuju, tidak setuju dan kurang setuju dengan kenyataan (soalan) yang diberikan. Bagi kenyataan saya suka mempelajari peribahasa 44 orang (73.6%) setuju, 12 orang (20.0%) kurang setuju dan hanya 4 orang (6.7%) tidak setuju. Bagi kenyataan saya rasa seronok mempelajari peribahasa 40 orang (66.7%) setuju, 13 orang (21.7%) kurang setuju dan 7 orang (11.7%) tidak setuju. Seterusnya, bagi kenyataan saya suka membuat latihan peribahasa yang diberi oleh guru 40 orang (66.7%) setuju, 13 orang (21.7%) kurang setuju dan 7 orang (11.7%) tidak setuju. 12 orang (20.0%) setuju, 27 orang (45.0%) kurang setuju dan 21

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

orang (35.0%) tidak setuju bagi kenyataan saya suka menggunakan peribahasa ketika berbual.

Seterusnya, bagi kenyataan peribahasa membantu saya menghasilkan karangan yang lebih baik 50 orang (83.3%) setuju, 7 orang (11.7%) kurang setuju dan hanya 3 orang (5.0%) tidak setuju. Bagi kenyataan saya memberi tumpuan ketika guru mengajar dan kenyataan guru mengajar peribahasa dengan jelas hasil dapatannya adalah sama iaitu 55 orang (91.7%) setuju, 4 orang (6.7%) kurang setuju dan hanya seorang (1.7%) sahaja tidak setuju. Seterusnya 38 orang (63.3%) setuju, 18 orang (30.0%) kurang setuju dan 4 orang (6.7%) tidak setuju dengan kenyataan guru sering mengajar menggunakan peribahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi kenyataan sekiranya guru memberi tugasan peribahasa saya akan menyiapkan tugasan-tugasan yang diberi 50 orang (83.3%) setuju, 10 orang (16.7%) kurang setuju dan tiada pelajar (0.0%) yang tidak setuju. Seterusnya bagi kenyataan ibu bapa menggalakkan saya mempelajari peribahasa 41 orang (68.3%) setuju, 15 orang (25.0%) kurang setuju dan 4 orang (6.7%) tidak setuju. Hanya 16 orang (26.7%) setuju, 27 orang (45.0%) kurang setuju dan 17 orang (28.3%) tidak setuju bagi kenyataan ibu bapa saya juga sering menggunakan peribahasa.

Seterusnya bagi kenyataan peribahasa mudah untuk dikuasai 39 orang (65.0%) setuju, 12 orang (20.0%) kurang setuju dan 9 orang (15.0%) tidak setuju. Bagi kenyataan pelajar perlu memiliki sebuah buku peribahasa sendiri 49 orang (81.7%) setuju, 8 orang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(13.3%) kurang setuju dan hanya 3 orang (5.0%) tidak setuju. Akhir sekali 50 orang (83.3%) setuju, 5 orang (8.3%) kurang setuju juga 5 orang (8.3%) tidak setuju dengan kenyataan saya berpendapat peribahasa wajar dikuasai oleh pelajar seperti saya.

Pengkaji mendapati ramai pelajar setuju mereka suka dan seronok mempelajari peribahasa, membuat latihan, berpendapat peribahasa membantu menghasilkan karangan yang lebih baik, memberi tumpuan ketika guru mengajar dan guru mengajar jelas. Selain itu ramai pelajar juga setuju menyiapkan tugasan, ibu bapa menggalakkan mereka belajar, peribahasa mudah dikuasai, perlu memiliki buku dan peribahasa wajar dikuasai.

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan ramai pelajar kurang setuju mereka suka menggunakan peribahasa ketika berbual. Hasil dapatan bagi kenyataan ini adalah sama dengan hasil kajian Nurul Ashiken Md. Iasa (2004) yang mendapati 23.0% daripada responden kajian tidak pernah menggunakan peribahasa Melayu dalam interaksi mereka dengan kawan-kawan malah dalam perbualan seharian. Manakala 80.00% menunjukkan responden jarang-jarang menggunakan peribahasa dalam perbualan dan kehidupan seharian, Cuma 15.38% sahaja yang menyatakan kerap kali atau suka menggunakan peribahasa Melayu dalam kehidupan seharian

5.3.3 Perbincangan Tahap Penguasaan Peribahasa Pelajar

Dapatan kajian analisis tahap penguasaan peribahasa menunjukkan daripada 60 jumlah sample yang digunakan 28 (46.66%) orang pelajar berjaya mendapat gred A. Seramai 6 (10.00%) orang pelajar pelajar mendapat gred B dan 5 (8.34%) pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapat gred C. Manakala seramai 3 (5.00%) orang pelajar mendapat gred D dan bilangan pelajar yang mendapat gred E ialah seramai 18 (30.00%). Hasil daripada dapatan ini didapati tahap penguasaan peribahasa pelajar secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana.

Pengkaji mendapati dapatan ini sama dengan dapatan kajian yang dibuat oleh Hairulnishak Adam (2001) terhadap pelajar tingkatan 2 yang menyatakan tahap penguasaan peribahasa pelajar yang dikaji berada pada tahap sederhana dan menolak kajian Goh Suzie (1998) yang menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar tingkatan 4 yang dikaji oleh beliau berada pada tahap yang sangat rendah. Pengkaji mendapati pelajar masih meminati peribahasa dan cuba untuk menguasainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.4 Perbincangan Hipotesis Nul.

Perbincangan mendapati berdasarkan ujian –t yang dilakukan, tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan jantina. Hal ini menunjukkan pelajar lelaki dan perempuan mempunyai tahap kebolehan yang sama dalam penguasaan peribahasa. Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian Hairulnishak Adam (2001) yang mendapati tiada perbezaan yang ketara dalam penguasaan peribahasa berdasarkan faktor jantina.

Hasil ujian korelasi pula menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar yang dikaji dengan minat seronok mempelajari peribahasa, suka membuat latihan, anggapan peribahasa membantu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghasilkan karangan yang lebih baik dan sikap memberi tumpuan ketika guru mengajar. Begitu juga dengan faktor guru mengajar jelas, guru sering menggunakan peribahasa, galakkan ibu bapa dan pandangan peribahasa mudah dikuasai.

Selain itu, kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan peribahasa pelajar dengan minat mempelajari peribahasa, menggunakan peribahasa ketika berbual, ibu bapa sering menggunakan peribahasa, pendapat pelajar perlu memiliki buku peribahasa dan sikap suka menyiapkan tugasan.

Walau bagaimanapun, kajian ujian ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan kaum. Pelajar Melayu lebih menguasai peribahasa berbanding pelajar Cina dan India. Dapatan kajian ini disokong oleh dapatan hasil kajian Hairulnishak Adam (2001) yang mendapati terdapat perbezaan yang ketara antara ras, iaitu pelajar India didapati lebih baik penguasaan peribahasanya berbanding pelajar Cina dan pelajar Melayu paling menguasai peribahasa berbanding dua kaum tersebut.

Penguasaan peribahasa pelajar India didapati lebih baik daripada pelajar Cina kerana mereka lebih suka bergaul dengan pelajar Melayu dan secara tidak langsung mereka telah biasa mendengar pelajar Melayu menggunakannya ketika perbualan. Selain itu, pengkaji mendapati budaya kaum India mempunyai pertalian dari segi bahasa contohnya pertalian bahasa Sanskrit dengan bahasa Melayu yang mempunyai sedikit persamaan dalam pembentukkan peribahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala penguasaan pelajar Melayu dalam peribahasa lebih baik berbanding dengan dua kaum yang lain kerana sememangnya orang Melayu yang mencipta peribahasa. Maka sudah pastinya mereka lebih memahami peribahasa kerana peribahasa yang dicipta berkait dengan budaya hidup masyarakat Melayu dan diaplikasikan oleh mereka dalam kehidupan seharian untuk menyampaikan sesuatu perkara dengan berkias dan beribarat.

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan lokasi tempat tinggal. Keadaan ini menjelaskan kepada kita bahawa faktor tempat tinggal mempengaruhi penguasaan peribahasa pelajar. Pengkaji mendapati pelajar luar bandar lebih menguasai peribahasa berbanding pelajar yang tinggal di bandar. Hal ini demikian, kerana pelajar yang tinggal di luar bandar lebih dekat dengan alam semula jadi. Misalnya peribahasa "Melentur buluh biarlah dari rebungnya" lebih mudah difahami dan dikuasai oleh pelajar di luar bandar kerana mereka tahu apakah itu rebung berbanding pelajar yang tinggal di bandar kerana ada di antara pelajar yang tinggal di bandar ini tidak kenal dengan rupa bentuk rebung apatah lagi untuk memegangnya. Hasil dapatan ini berbeza dengan dapatan kajian Hairulnishak Adam (2001) yang mendapati tiada perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan peribahasa pelajar berdasarkan lokasi tempat tinggal.

5.4 Cadangan

Oleh kerana penguasaan dan penggunaan peribahasa dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana, usaha menghidupkan semula peribahasa perlu dilakukan segera. Usaha-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

usaha ini nanti diharap dapat menyelamatkan khazanah budaya yang amat bernilai ini daripada pupus ditelan zaman. Hasil daripada usaha ini nanti akan memberi peluang kepada generasi muda kini dan akan datang untuk turut menghayati dan menyanjung tinggi khazanah budaya bangsa yang amat bernilai ini.

Bagi mengatasi masalah penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar, pengkaji memberikan beberapa cadangan dan saranan seperti berikut:

1. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) perlu mengemaskini dan melengkapkan Sukatan Pelajaran dengan saranan kaedah pengajaran peribahasa yang pelbagai.
2. Pihak pentadbir sekolah perlu membuat pemantauan yang lebih kerap terhadap pengajaran dan pembelajaran supaya kualiti pengajaran dapat ditingkatkan.
3. Guru perlu menggunakan kreativiti sendiri dengan menggunakan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran agar pelajar mendapat input semaksima yang boleh dan membantu pelajar meneroka khazanah peribahasa Melayu yang tinggi nilainya dalam usaha melahirkan generasi muda yang berwawasan, kreatif, berdaya saing dan mempunyai jati diri.
4. Pihak sekolah juga perlu menyediakan guru yang mempunyai asas kemahiran bahasa yang kukuh untuk mengajarkan peribahasa ini.
5. Ibu bapa boleh membeli buku karya peribahasa yang baik sebagai bahan bacaan tambahan anak-anak di rumah dan menggalakkan mereka ke perpustakaan bagi menggalakkan mereka membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6. Meningkatkan penggunaan media massa untuk berperanan sebagai agen penyebar maklumat mengenai peribahasa. Di samping itu, pihak media juga boleh menganjurkan perbagai bentuk pertandingan yang memberi penekanan tentang kepentingan menguasai peribahasa Melayu.
7. Kajian seperti ini juga patut diperluaskan ke semua daerah di negeri Pahang khasnya dan negeri-negeri lain umumnya dengan menggunakan jumlah sampel yang lebih besar dan alat kajian yang pelbagai.

5.4 Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan, pelajar mempunyai sikap dan minat yang positif dengan penguasaan peribahasa Melayu. Namun sikap dan minat itu perlu disertai dengan usaha yang berterusan dan bersungguh-sungguh agar mendapat kejayaan yang maksimum dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kelak. Oleh sebab itu, peribahasa seharusnya diberikan perhatian yang sewajarnya dalam pendidikan bahasa Melayu agar para pelajar kita yang berada di sekolah pada hari ini akan menjadi pengguna bahasa Melayu yang terampil di alaf yang akan datang. Keterampilan mereka dapat menguasai kecekapan berbahasa dan ketepatan dalam berkomunikasi melalui penggunaan bunga-bunga bahasa yang bersifat warisan serta ungkapan baru yang bersifat sezaman.

Pengkaji merasakan bahawa satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran peribahasa Melayu secara berkesan perlu dilaksanakan. Bagi mencapai matlamat tersebut, tugas utama guru bahasa Melayu adalah sebagai fasalitator atau pemudah cara serta pembimbing kepada para pelajar supaya mereka dapat memahami makna tersirat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuatu peribahasa itu. Selain itu, kebijaksanaan guru menggunakan pelbagai teknik pengajaran dapat menarik minat pelajar agar mereka dapat menguasai dan mencintai peribahasa yang menjadi mutiara bangsa Melayu.

Kesimpulannya, kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah terbatas kepada pandangan, sikap dan penguasaan pelajar tingkatan 5 terhadap peribahasa hanya di dua buah sekolah daerah Raub, Pahang. Justeru pengkaji mencadangkan agar kajian lanjut dilakukan oleh pengkaji bahasa yang lain kerana skop peribahasa ini begitu luas merangkumi falsafah peribahasa, makna, jenis dan segala aspek yang berkait dengannya. Di samping itu, pengkaji lain juga boleh meluaskan kajian bukan hanya kepada pelajar tingkatan 5 tetapi juga kepada pelajar tingkatan 1,2,3 dan 4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BIBLIOGRAFI

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (1993). *Kamus Peribahasa Lengkap Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Abdullah Hassan. (1989). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Hussain. (1997). *Canai Budi.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Hussein. (1991). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Razak Sulaiman. (1988). *Laporan Kaji Selidik Maklumat Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Aishah Rohani Nahar. (1998). *Perlambangan Dalam Peribahasa Melayu Serawak*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Alias Sidek. (1999). *Penglibatan Orang Melayu Dalam Peribahasa*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Asmad. (1990). *Budaya Bahasa (1) Puisi*. Melaka : Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.

Brown, C.C. (1959). *Malay Saying.* Singapore : Graham Brash.

Edwar Djamaris. (1985). Memahami dan Menghargai Peribahasa dlm *Dewan Bahasa,* Jil.29 Bil 5 hlm. 338-344.

Hairulnishak Adam. (2001). *Penguasaan Peribahasa Melayu di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Di Dua Buah Sekolah Menengah Kebangsaan*. Tesis yang tidak diterbitkan Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Henry Guntur Tarigan. (1985). *Pengajaran Semantik.* Bandung: Penerbitan Angkasa.

Inderawati Zahid. (1988). Peribahasa Melayu : Satu Klasifikasi Yang Tiada Penentu. dlm *Dewan Bahasa,* hlm. 979-984.

Ishak Ramly & Goh Ong Sing. (1990). Menilai Perkembangan Peribahasa Melayu. dlm *Dewan Bahasa*, hlm. 283-291.

Ismail Salleh. (1990). Penggolongan Peribahasa dan Simpulan Bahasa serta Hubungannya dengan Pengajaran dan Pemelajaran Bahasa Melayu. dlm *Dewan Bahasa*, hlm. 402-408.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kamarziyah Masri. (2005). *Perbandingan Kata Masukan Antara Peribahasa Dalam Dua Buah Kamus Peribahasa.* Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005) Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2000). *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah – Bahasa Melayu Tingkatan Lima.* Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2000). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah – Bahasa Melayu Tingkatan Lima.* Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Keris Mas (1990). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Koh Boh Boon. (1982). Pengajaran Peribahasa Melayu. dlm *Dewan Bahasa*, Jil.26 Bil 3. hlm. 196-200.

Maslina Abdullah. (1991). Adat dan Peribahasa dlm *Pelita Bahasa*, Jilid 3 (Bil. 6) hlm. 40-41.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Md. Ishak A. Rahman. (2005). Peribahasa Bukan Puisi dlm *Pelita Bahasa.* Disember hlm. 42-43.

Mohd Adnan Mohd. Ariffin. (1992). *Tikaman Bahasa.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norazlina Mohd. Kiram. (2002). *Kiasan Melayu Dalam Pengucapan Awam: Satu Kajian Teks Ucapan.* Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Nurul Ashiken Md. Iasa. (2004). *Fungsi dan Peranan Peribahasa Melayu dalam Era Siber.* Tesis yang tidak diterbitkan, Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Othman Mamat. (1975). *Peranan Peribahasa Melayu Dalam Masyarakat Melayu*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rahman Shaari. (1993). *Memahami Gaya Bahasa.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Safiah Hussain. (1988). *Glosari Istilah Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Shamsuddin Ahmad. (2005). *Kamus Peribahasa Melayu-Inggeris.* Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Shellabear W.G. (1963). *Kitab Kiliran Budi.* Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Sulaiman Zakaria. (1998). *Khazanah Peribahasa Melayu*. Mega Setia Emas.

Suradi Parjo. (1989). *Peribahasa Warisan*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Zainal Abidin Ahmad. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SOALAN UJIAN

A. SIMPULAN BAHASA

Tulis satu ayat bagi setiap peribahasa di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksudnya dan penggunaannya.

1. ambil hati

.....
.....
..

2. minta diri

.....
.....
..

3. kepala batu

.....
.....
..

4.buah mulut

.....
.....
..

5.cari jalan

.....
.....
..

6.batu penghalang

.....
.....
..

B. PEPATAH

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian lengkapkan tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

7. Kematangan seseorang bergantung kepada ilmu yang dimiliki dan pengalaman hidup yang ditempuhi, kata orang …… Oleh sebab itulah masyarakat silam menyarankan ahlinya mengembara untuk meraih pengalaman hidup.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

8. Apa bila berada di tempat orang dipesan pula supaya tidak meninggi diri dan mematuhi adat resam tempat tersebut dengan ingatan .....

9. Selain itu mereka turut dipesan supaya pandai-pandai menjaga dan menyesuaikan diri ketika di perantauan lebih-lebih lagi kalau hendak melakukan sesuatu perkara. Seperti pepatah yang berbunyi .....

10. Persahabatan antara Ching dan Mala sangat akrab. Ke mana-mana saja mereka pasti pergi bersama-sama bak kata pepatah .....

11. Fazrul menolak tawaran belajar dari universiti tempatan kerana mengharapkan tawaran yang lebih baik daripada universiti luar negara. Akhirnya dia hampa, seperti .....

12. Kumpulan gengster itu terlalu kuat menyimpan rahsia sehingga sanggup membunuh rakannya sendiri yang sedang disoal siasat pihak polis kerana .....

C. PERUMPAMAAN

Berdasarkan pernyataan yang berikut berikan peribahasa yang paling sesuai bagi setiap situasi di bawah.

13. Param sanggup bergolok-gadai untuk menyekolahkan enam anaknya hingga ke universiti. Kini setelah semua anaknya berjaya mereka tidak pernah ambil tahu tentang dirinya.

---

14. Masyarakat penyayang merujuk kepada orang yang mengambil berat kebajikan setiap anggotanya, mengikat tali persaudaraan yang ikhlas, dan tidak membezakan ahli berdasarkan bangsa, agama dan kedudukan. Mereka hidup saling bantu membantu.

---

15. Masyarakat di bandar hanya mementingkan diri dan keluarga sendiri. Sebagai akibatnya, anggota masyarakat itu akan hidup terpisah-pisah dan tidak mengenali jiran di sebelah rumah.

---

16. Yani dan Mamat sama cantik dan sama padan. Ketika mereka disandingkan ramai kenalan dan jemputan yang memuji-muji mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

17. Ija dan Kamal pantang berjumpa kerana jika bertemu pasti mereka akan bertengkar. Adakalanya mereka hanya bertengkar kerana perkara yang kecil.

---

18. Hubungan mereka ditentang hebat oleh keluarga kerana Murni seorang doktor dan berasal daripada keluarga yang kaya. Manakala Mahadi hanya seorang pemandu teksi dan keluarganya hidup susah.

D. BIDALAN

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian lengkapkan tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

19. Sebelum tiba musim kemarau, Leman telah memastikan simpanan bekalan makanan di rumahnya mencukupi untuk mereka sekeluarga. Tindakkannya itu seperti ……..

20. Ibu bapa digesa supaya mendidik anak-anak mereka ketika usia kanak-kanak lagi kerana jika ingin …… Anak-anak yang tidak dididik ketika kecil akan susah dikawal apa bila dewasa nanti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

21. Pesta jualan murah yang diadakan di dewan orang ramai itu hanya …… kerana barang yang dijual kebanyakannya masih lagi pada harga lama.

22. Sikap majlis daerah itu umpama …… kerana sudah banyak nyawa yang terkorban akibat kemalangan di jalan raya itu barulah mereka tergesa-gesa membina jejantas.

23. “Kamu …… dahulu kerana kamu mestilah tahu kemampuan diri sendiri sebelum memasuki pertandingan larian marathon kerana jarak 60 kilometer itu jauh,” pesan cikgu Asnida kepada pelajar.

24. Iman dan adik-adiknya sudah biasa tidak berbelanja di sekolah. Dalam setahun boleh dihitung berapa kali dia ke kantin. Namun semua itu telah menjadi kebiasaan baginya kerana .....

Sekian, terima kasih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi